


the principal Act is
after the words "a
a local authority".



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 324

AKTA DAGANGAN KOMODITI 1985

Tarikh Persetujuan Diraja

31hb Disember 1985

Tarikh diterbitkan dalam
Warta

9hb Januari 1986

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 324

AKTA DAGANGAN KOMODITI 1985

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

SURUHANJAYA DAGANGAN KOMODITI

3. Penubuhan Suruhanjaya Dagangan Komoditi.
4. Fungsi-fungsi Suruhanjaya.
5. Kuasa-kuasa Suruhanjaya.
6. Kuasa-kuasa darurat Suruhanjaya.
7. Tindakan Suruhanjaya tidak akan dibatalkan oleh injunksi, dll. tanpa pendengaran.
8. Kuasa Menteri untuk memberi arahan.

BAHAGIAN III

PESURUHJAYA DAGANGAN KOMODITI DAN
KAKITANGAN SURUHANJAYA YANG LAIN

9. Perlantikan Pesuruhjaya dan kakitangan Suruhanjaya yang lain.
10. Tugas-tugas Pesuruhjaya.
11. Kuasa-kuasa Pesuruhjaya.
12. Kerahsiaan rasmi.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN KEWANGAN

13. Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi.
14. Akaun Deposit-Deposit Dagangan Hadapan.
15. Kuasa untuk meminjam.
16. Kuasa untuk melabur.
17. Pemakaian Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

31hb Disember 1985

1hb Januari 1986

BAHAGIAN V

BURSA KOMODITI

Seksyen

18. Penubuhan, dsb. pasar komoditi dan bursa komoditi tidak dibenarkan tanpa kelulusan.
19. Kuasa Menteri untuk meluluskan penubuhan bursa komoditi.
20. Kelulusan perlembagaan, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan syarikat bursa, dll.
21. Kuasa Suruhanjaya meminta dibuat pindaan-pindaan kepada perlembagaan, kaedah-kaedah, dll.
22. Lembaga Pengurusan hendaklah menguruskan syarikat bursa.
23. Tugas-tugas syarikat bursa dan pusat penjelasan.
24. Sekatan mengenai urusan di dalam pasaran komoditi.
25. Pembatalan kelulusan.
26. Penggantungan perniagaan disebabkan oleh pembatalan kelulusan.
27. Penutupan bursa komoditi dalam masa darurat.
28. Tindakan terhadap syarikat bursa, pusat penjelasan, dll. kerana gagal mematuhi kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dll.
29. Suruhanjaya boleh mengesyorkan pembatalan kelulusan.
30. Penyiaran notis pembatalan, penggantungan perdagangan atau penutupan.
31. Berniaga komoditi dilarang dalam masa penggantungan perdagangan atau bursa komoditi ditutup.
32. Dilarang masuk ke dalam bursa komoditi.

BAHAGIAN VI

PENDAFTARAN PENIAGA-PENIAGA, PENASIHAT-
PENASIHAT DAGANGAN KOMODITI DAN
WAKIL-WAKIL

33. Peniaga hendaklah didaftarkan.
34. Penasihat dagangan komoditi hendaklah didaftarkan.
35. Wakil peniaga hendaklah didaftarkan.
36. Wakil penasihat dagangan komoditi hendaklah didaftarkan.
37. Pendaftaran orang-orang di bawah Bahagian ini.
38. Deposit hendaklah dibayar oleh peniaga.
39. Penolakan pendaftaran.
40. Pelupusan deposit-deposit yang dibayar di bawah seksyen 38.

Seksyen

41. Pembaharuan pendaftaran.
42. Pembatalan pendaftaran.
43. Pendaftaran orang berdaftar dianggap telah digantung apabila keanggotaan dalam syarikat bursa digantung.
44. Kuasa Pesuruhjaya dalam hal-hal mengenai salah laku, dsb.
45. Kesan pembatalan atau penggantungan pendaftaran.
46. Rayuan kepada Suruhanjaya terhadap penolakan permohonan, dll.
47. Representasi palsu mendapatkan pendaftaran.
48. Maklumat hendaklah diberi oleh orang-orang berdaftar.
49. Pesuruhjaya hendaklah menyimpan daftar orang-orang berdaftar.
50. Penyiaran nama dan alamat orang-orang berdaftar.

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

51. Tafsiran.
52. Akaun hendaklah disimpan oleh peniaga.
53. Wang hendaklah dibayar ke dalam akaun terasing.
54. Wang dalam akaun terasing tidak boleh digunakan untuk membayar hutang, dll.
55. Tuntutan dan lien ke atas akaun terasing tidak tersentuh.
56. Peniaga hendaklah melantik juruaudit.
57. Peniaga hendaklah menyerahkan akaun tahunan, dll.
58. Laporan oleh juruaudit kepada Pesuruhjaya dalam hal-hal tertentu.
59. Kuasa Pesuruhjaya melantik juruaudit.
60. Kuasa Pesuruhjaya melantik juruaudit atas permohonan kelayan.
61. Juruaudit hendaklah membuat laporan kepada Pesuruhjaya.
62. Kuasa bagi juruaudit yang dilantik oleh Pesuruhjaya.
63. Kesalahan membinasa, mengubah, dll. rekod-rekod.
64. Sekatan ke atas hak juruaudit dan pekerja untuk memberitahu perkara-perkara tertentu.
65. Syarikat bursa boleh mengenakan liabiliti lanjut ke atas anggota-anggota.

A, PENASIHAT-
ODITI DAN

aklah didaftarkan.

an.

hendaklah didaftar-

Bahagian ini.

eniaga.

bayar di bawah sek-

BAHAGIAN VIII
AMALAN-AMALAN DAGANGAN

Seksyen

66. Menetapkan had-had dagangan dan kedudukan.
67. Adalah menjadi kesalahan melebihi had-had.
68. Paras kedudukan yang boleh dilapor.
69. Berniaga opsyen dilarang.
70. Perdagangan, pembrokeran liar, dsb. secara palsu.
71. Penjualan rekaan palsu dan transaksi serupa itu dilarang.
72. Manipulasi atau borong-simpan akan menjadi kesalahan.
73. Pesuruhjaya boleh melarang orang yang mengamalkan manipulasi daripada berniaga.
74. Menggunakan alat-alat, dll. secara tipuan atau mengelirukan.
75. Pernyataan yang palsu atau mengelirukan.
76. Perdagangan sindiket.
77. Peniaga-peniaga membuka buku-buku, dll. untuk pemeriksaan.
78. Kesalahan-kesalahan.

BAHAGIAN IX
KUMPULAN WANG PAMPASAN

79. Tafsiran.
80. Penubuhan Kumpulan Wang Pampasan.
81. Pentadbiran Kumpulan Wang Pampasan.
82. Wang yang menjadi Kumpulan Wang Pampasan.
83. Wang hendaklah disimpan dalam akaun bank.
84. Akaun Kumpulan Wang Pampasan.
85. Anggota-anggota membuat caruman.
86. Sumber-sumber tambahan Kumpulan Wang Pampasan.
87. Pelaburan wang dalam Kumpulan Wang Pampasan.
88. Lembaga Pengurusan boleh memperkenalkan sistem lain membiayai Kumpulan Wang Pampasan.
89. Pembayaran daripada Kumpulan Wang Pampasan.
90. Tuntutan-tuntutan terhadap Kumpulan Wang Pampasan.
91. Had-had pampasan.
92. Notis memanggil tuntutan terhadap Kumpulan Wang Pampasan.

Seksyen

93. Kuasa syarikat bursa mengenai tuntutan.
94. Syarikat bursa boleh menghendaki dokumen, dll. dikemukakan.
95. Hak membuat rayuan terhadap penentuan syarikat bursa.
96. Mensubrogasi syarikat bursa mengenai hak-hak, dll. pihak menuntut apabila pembayaran dibuat daripada Kumpulan Wang Pampasan.
97. Pembayaran tuntutan hanya dari Kumpulan Wang Pampasan.
98. Peruntukan jika Kumpulan Wang Pampasan tidak cukup untuk membayar tuntutan.
99. Wang dalam Kumpulan Wang Pampasan semasa pengulungan Syarikat bursa.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

100. Tafsiran.
101. Kuasa Pesuruhjaya memerlukan orang-orang berdaftar mengemukakan buku-buku.
102. Kuasa Pesuruhjaya meminta orang-orang tidak berdaftar mengemukakan buku-buku.
103. Kuasa untuk diambil milik buku-buku, dll.
104. Menggeledah dan menyita.
105. Kesalahan-kesalahan.
106. Kuasa untuk menyiasat.
107. Menteri boleh mengarahkan penyiasatan.
108. Kuasa Pesuruhjaya mendapatkan maklumat mengenai akaun-akaun bank peniaga-peniaga, dll.
109. Persembunyian, dll. buku-buku berhubungan dengan perdagangan.
110. Kuasa Pesuruhjaya diperjalankan oleh pegawai Suruhanjaya yang lain atau pegawai polis.

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI

111. Bantuan kewangan.
112. Melaporkan perkara tertentu mengenai anggota-anggota.
113. Peniaga-peniaga memberitahu tentang tahun kewangan mereka.
114. Larangan terhadap penggunaan gelaran "bursa komoditi".

DAGANGAN

dan kedudukan.

kebihi had-had.

lapor.

dsb. secara palsu.

aksi serupa itu dilarang.

akan menjadi kesalahan.

ang yang mengamalkar

ra tipuan atau menge-

gelirukan.

buku, dll. untuk peme-

PAMPASAN

pampasan.

pampasan.

Wang Pampasan.

akaun bank.

n.

in.

lan Wang Pampasan.

i Wang Pampasan.

kenalkan sistem lain
asan.

Wang Pampasan.

ulan Wang Pampasan.

ap Kumpulan Wang

Seksyen

115. Kontrak nasihat dagangan komoditi.
116. Kuasa Mahkamah Tinggi membuat perintah-perintah tertentu.
117. Kesalahan oleh perbadanan.
118. Kelakuan yang menjejaskan reputasi atau muhibah atau kepercayaan awam terhadap bursa, dll.
119. Sekatan terhadap pekerja-pekerja syarikat bursa dan pusat penjelasan.
120. Halangan terhadap penyalahgunaan maklumat yang diperolehi dari kedudukan rasmi.
121. Tanggungan perbadanan mengendalikan pusat penjelasan.
122. Tanggungan prinsipal atas perbuatan ejen.
123. Membantu, menyubahat, dsb.
124. Penyelesaian pertikaian.
125. Peruntukan-peruntukan am berhubungan dengan penalti.
126. Pengkhidmat awam.
127. Perlindungan daripada prosiding undang-undang.
128. Pendakwaan kesalahan-kesalahan.
129. Orang-orang tertentu hendaklah membantu dalam pendakwaan.
130. Pembicaraan kesalahan-kesalahan.
131. Kuasa Pesuruhjaya mengkompaun.
132. Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah.

BAHAGIAN XII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PEMANSUHAN,
KECUALIAN DAN PERALIHAN

133. Pemansuhan.
134. Kecualian.
135. Penerusan kuasa, hak, liabiliti dan tugas Majlis dan Pesuruhjaya.
136. Penerusan prosiding jenayah dan sivil berhubungan dengan Majlis atau Pesuruhjaya.
137. Penerusan lain-lain hak, liabiliti, dll. di bawah Akta termansuh.
138. Penerusan Bursa Komoditi Kuala Lumpur.
139. Penerusan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat.
140. Pengesahan tindakan-tindakan yang dilakukan dalam jangkaan Akta.
141. Perlindungan dari anomali.

JADUAL.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 324

AKTA DAGANGAN KOMODITI 1985

Suatu Akta bagi menubuhkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi, bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu bursa komoditi, bagi mengawal perdagangan kontrak hadapan komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya.

[1. 3. 86] Pu(B) 86/86

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dagangan Komoditi 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa. Pu(B) 86/86 1. 3. 86

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“bank berlesen” ertinya sesuatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank 1973; Akta 102.

“Bursa Komoditi Dinyatakan” ertinya mana-mana jua bursa komoditi luar negeri yang dinyatakan oleh Menteri melalui perintah dari semasa ke semasa;

“firma” ertinya sesuatu pertubuhan yang tidak diperbadankan terdiri daripada dua orang atau lebih;

“hari yang ditetapkan” ertinya hari yang Akta ini mula berkuatkuasa;

Akta 125.

“juruaudit” ertinya seseorang juruaudit syarikat yang diluluskan dalam erti Akta Syarikat 1965;

“kaedah-kaedah pasaran komoditi” ertinya kaedah-kaedah yang mengawal perjalanan pasaran komoditi yang berkenaan atau orang-orang yang berdagang kontrak hadapan komoditi dalam komoditi atau komoditi-komoditi yang berkenaan, walau apa jua namanya kaedah-kaedah itu disebut dan di mana jua ianya terkandung;

“kemungkiran”, berhubungan dengan kegagalan seorang peniaga atau seorang anggota untuk menunaikan obligasi undang-undang, ertinya kemungkiran yang timbul dari sebarang pecah amanah, salahguna, tipuan atau salahbuat yang dilakukan oleh seorang peniaga, wakil peniaga atau anggota atau oleh mana-mana jua pengarah, pekongsi atau pekerja, mengikut mana yang berkenaan, kepada peniaga atau anggota yang tersebut berkenaan sebarang wang, kontrak hadapan atau harta-harta lain seseorang kelayan kepada peniaga atau anggota itu;

“kontrak hadapan” ertinya sesuatu kontrak atau opsyen atas sesuatu kontrak yang disempurnakan di mana-mana bursa komoditi untuk membeli atau menjual komoditi untuk serahan hadapan;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang ditubuhkan di bawah seksyen 13;

“Kumpulan Wang Pampasan” ertinya kumpulan wang pampasan yang ditubuhkan di bawah seksyen 80;

“Lembaga Pengurusan” ertinya lembaga pengurusan bagi syarikat bursa;

“Menteri” ertinya Menteri yang buat masa sekarang adalah bertanggungjawab bagi dagangan hadapan komoditi;

“obligasi undang-undang” termasuk sesuatu obligasi yang timbul di bawah sesuatu kontrak, kuasi-kontrak atau amanah (termasuk sesuatu amanah konstruktif);

“orang berdaftar” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah Akta ini sebagai seorang peniaga, wakil peniaga, penasihat dagangan komoditi atau wakil penasihat dagangan komoditi, mengikut mana yang berkenaan;

“pasaran komoditi” ertinya suatu tempat yang disediakan dan disenggara oleh syarikat bursa bagi memperdagangkan komoditi pada amnya atau khususnya, sama ada di bawah kontrak hadapan atau secara lainnya;

“penasihat dagangan komoditi” ertinya seseorang yang bertindak sebagai penasihat dagangan komoditi dalam erti seksyen 34 dan yang didaftarkan sedemikian di bawah Akta ini;

“pengarah” termasuklah mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah sesuatu perbadanan dengan apa jua nama dipanggil dan termasuklah seseorang yang mana arahan atau petunjuknya pengarah-pengarah sesuatu perbadanan itu lazim bertindak dan termasuklah juga seseorang pengarah silih ganti atau ganti;

“peniaga” ertinya seseorang yang bertindak sebagai peniaga dalam erti seksyen 33 dan yang didaftarkan sedemikian di bawah Akta ini;

“perbadanan” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan yang ditubuh atau diperbadankan atau yang sedia ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan termasuklah mana-mana syarikat asing tetapi tidak termasuk—

- (a) mana-mana perbadanan tunggal;
- (b) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan koperasi; atau
- (c) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai suatu kesatuan sekerja;

“perdagangan kontrak hadapan komoditi”, berhubungan dengan mana-mana orang, sama ada bertindak sebagai prinsipal atau ejen, ertinya membuat atau menawarkan untuk membuat suatu perjanjian dengan mana-mana orang lain dalam Malaysia atau mendorong atau cuba mendorong mana-mana orang lain dalam Malaysia supaya membuat atau menawarkan untuk membuat sesuatu perjanjian bagi membeli

atau menjual sesuatu komoditi di bawah kontrak hadapan atau membantu untuk membuat perjanjian yang tersebut;

“perlembagaan”, berhubungan dengan sesuatu syarikat, ertinya memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan syarikat itu;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Dagangan Komoditi yang dilantik di bawah seksyen 9 dan termasuklah Timbalan Pesuruhjaya;

“pusat penjelasan” ertinya suatu tempat walau apa pun nama atau gelaran, ditubuhkan atau diaturkan supaya ditubuhkan oleh syarikat bursa bagi pendaftaran dan penyelesaian kontrak hadapan;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“syarikat bursa” ertinya mana-mana syarikat yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 19 untuk menubuhkan dan mengendalikan bursa komoditi;

“tahun kewangan”, berhubungan dengan mana-mana perbadanan, ertinya tempoh yang mengenainya apa-apa akaun untung-rugi bagi perbadanan yang dibentangkan dalam mesyuarat agung itu dibuat, sama ada tempoh itu setahun atau tidak;

“wakil penasihat dagangan komoditi” ertinya seseorang yang bertindak sebagai wakil penasihat dagangan komoditi dalam erti seksyen 36 dan yang didaftarkan sedemikian di bawah Akta ini;

“wakil peniaga” ertinya seseorang yang bertindak sebagai wakil peniaga dalam erti seksyen 35 dan yang didaftarkan sedemikian di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, seseorang pengarah atau pekerja sesuatu perbadanan, atau seseorang pekongsi atau pekerja sesuatu firma, hendaklah disifatkan sebagai ditauliahkan kepada perbadanan atau firma, mengikut mana yang berkenaan, jika dia, atas sifatnya sebagai pengarah, pekongsi atau pekerja itu, diberi kuasa dengan sempurnanya oleh perbadanan atau firma itu untuk bertindak untuk atau bagi pihak perbadanan atau firma itu bagi maksud berdagang kontrak hadapan komoditi.

BAHAGIAN II

SURUHANJAYA DAGANGAN KOMODITI

3. (1) Maka dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Suruhanjaya Dagangan Komoditi", yang akan kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa dan kuasa untuk memperolehi dan memegang harta alih dan harta tak alih dan melupuskannya atau sebaliknya membuat apa-apa urusan mengenainya, dan yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya.

Penubuhan
Suruhan-
jaya
Dagangan
Komoditi.

(2) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama;
- (c) Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- (d) Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia; dan
- (e) tidak lebih daripada enam orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan atau kemahiran yang sesuai.

(3) Tiap-tiap seorang anggota Suruhanjaya hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau jawatannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi Pengerusi jika dalam mana-mana tempoh disebabkan oleh ketiadaannya di Malaysia, sakit atau apa-apa sebab lain, Pengerusi tidak dapat menjalankan kuasanya atau melaksanakan tugasnya.

di bawah kontrak
membuat perjanjian

dengan sesuatu
urusan dan perkara-

Suruhanjaya Dagangan
seksyen 9 dan ter-

tempat walau apa
saja atau diatitkan
urusan bagi pendaf-
teran;

Suruhanjaya Dagangan
seksyen 3;

mana-mana syarikat yang
dibentuk seksyen 19 untuk
urusan komoditi;

dengan mana-mana
urusan mengenainya apa-
saja urusan yang diben-
dikan dibuat, sama ada

"diti" ertinya sese-
orang penasihat dagangan
yang didaftarkan

yang bertindak
seksyen 35 dan yang
terdapat di sini.

seorang pengarah
atau seseorang pe-
kerja hendaklah disifatkan
sebagai orang atau firma,
jika, atas sifatnya
sebagai pekerja itu, diberi
kekuasaan atau firma
untuk membuat perjanjian
kontrak hadapan

(5) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika Pengerusi tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat Suruhanjaya atau tak berkeupayaan kerana sakit daripada menjalankan fungsi-fungsi jawatannya, maka anggota-anggota Suruhanjaya yang ada boleh memilih salah seorang di antara mereka untuk bertindak sebagai Pengerusi dalam masa kekosongan, ketidakhadiran atau ketakupayaan itu, mengikut mana yang berkenaan.

(6) Seseorang anggota Suruhanjaya yang dilantik di bawah subseksyen (4) atau dipilih di bawah subseksyen (5) hendaklah, bagi tempoh yang dia bertindak sebagai Pengerusi, mempunyai dan boleh menjalankan segala fungsi Pengerusi.

(7) Perlantikan setiap anggota Suruhanjaya hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(8) Jadual kepada Akta ini hendaklah dipakai bagi Suruhanjaya.

Fungsi-
fungsi
Suruhan-
jaya.

4. Suruhanjaya hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini;
- (b) bertanggungjawab bagi menyelia aktiviti-aktiviti syarikat bursa dan pusat penjelasan dan memajukan pengelolaan sepatutnya di kalangan anggota mereka;
- (c) mengambil segala langkah yang munasabah untuk menjaga dan menjamin kepentingan orang-orang yang berdagang kontrak hadapan komoditi;
- (d) menghapuskan amalan-amalan yang menyalahi undang-undang dan tidak patut berhubungan dengan perdagangan kontrak hadapan komoditi dan manipulasi harga dalam pasaran komoditi;
- (e) memaju dan mengekalkan keutuhan orang-orang berdaftar dan menggalakkan peniaga-peniaga dan penasihat-penasihat dagangan komoditi supaya memberi nasihat yang terimbang dan termaklum kepada kelayan mereka;

- (f) menasihati Menteri atas segala perkara ber-
hubungan dengan berdagang kontrak hadapan
komoditi;
- (g) menasihati Menteri atas segala perkara ber-
hubungan dengan pembelian atau penjualan
komoditi-komoditi untuk serahan tunai atau
untuk pengapalan tertunda atau serahan
tertunda; dan
- (h) menimbang dan mencadangkan pembaharuan
undang-undang berhubung dengan perda-
gangan kontrak hadapan komoditi termasuk
pindaan pada perlembagaan, kaedah-kaedah
dan peraturan-peraturan syarikat bursa dan
pusat penjelasan.

5. Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperlukannya untuk menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini khususnya—

Kuasa-
kuasa
Suruhan-
jaya.

- (a) untuk mengarahkan syarikat bursa atau pusat penjelasan supaya mematuhi, menguatkuasakan, atau memberikan kesan kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan mereka masing-masing atau untuk mengambil apa-apa tindakan yang Suruhanjaya fikirkan perlu dan suaimanfaat, selaras dengan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan mereka;
- (b) tertakluk kepada notis dan selepas berunding dengan syarikat bursa dan pusat penjelasan, untuk menetapkan had-had kedudukan dan had-had tentang banyaknya perdagangan menurut seksyen 66, bagi tujuan mengurangkan, menghapuskan atau mencegah spekulasi berlebihan dalam mana-mana pasaran di syarikat bursa;
- (c) untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatan-kuasa, yang mungkin terdiri daripada atau termasuk orang-orang yang bukan anggota Suruhanjaya, untuk menasihati atau membantu Suruhanjaya atas apa-apa perkara mengenai kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya sebagaimana yang difikirkannya perlu, dan Suruhanjaya boleh mewakilkan, tertakluk kepada apa-apa

syarat dan sekatan sebagaimana yang dikenakan, mana-mana daripada kuasa dan fungsinya sebagaimana yang difikirkannya perlu kepada mana-mana daripada jawatankuasa itu, atau kepada Pesuruhjaya, dan apa-apa tindakan atau keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut atau oleh Pesuruhjaya menurut perwakilan tersebut hendaklah disifatkan sebagai tindakan atau keputusan Suruhanjaya;

- (d) untuk memberikuasa kepada Pengerusi untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa Suruhanjaya *ad-hoc* dari semasa ke semasa, bagi apa-apa tujuan dan mengikut apa-apa terma, syarat dan sekatan yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya; dan
- (e) untuk mendengar dan memutuskan sama ada dengan sendirinya atau melalui sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (c) dalam seksyen ini, apa-apa rayuan di bawah Akta ini atau menurut kaedah-kaedah syarikat bursa, yang boleh dikemukakan rayuan kepada Suruhanjaya.

Kuasa-
kuasa
darurat
Suruhan-
jaya.

6. (1) Apabila Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa keadaan darurat wujud, Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk mengambil apa-apa tindakan yang dalam pertimbangan Suruhanjaya adalah perlu untuk menjaga atau memulihkan keadaan perdagangan yang teratur atau penyelesaian mana-mana kontrak hadapan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penentuan paras-paras sementara margin darurat ke atas mana-mana kontrak hadapan dan penetapan had-had yang boleh dipakai kepada kedudukan pasaran diperolehi dengan suci hati sebelum tarikh kuatkuasa tindakan Suruhanjaya;

(b) di mana sesuai dan perlu tetapi tanpa menjejaskan hak dan kepentingan pihak-pihak ketiga yang tidak bersalah, untuk mengarah pusat penjelasan supaya tidak membuat pembayaran, pengembalian atau penyerahan kepada sesiapa, apa-apa wang atau cagaran yang terdapat dengan pusat penjelasan setelah diselesaikan mana-mana kontrak yang didapati berlakunya kemungkiran di bawah kaedah-kaedah pusat penjelasan atau syarikat bursa, sehingga penyiasatan dan penentuan kemungkiran tersebut telah selesai dijalankan mengikut kaedah-kaedah syarikat bursa.

(2) Istilah "darurat" seperti dipakai dalam seksyen ini bererti, di samping manipulasi pasaran dan borong-simpan yang terancam atau sebenarnya, apa-apa tindakan Kerajaan atau kerajaan asing yang mempengaruhi sesuatu komoditi, peperangan, bencana alam atau darurat fizikal yang tidak dapat dikawal oleh syarikat bursa atau pusat penjelasan, atau apa-apa kekacauan besar pasaran yang lain yang menghalang pasaran daripada menunjukkan dengan tepat kuasa-kuasa penawaran dan permintaan untuk komoditi itu.

7. Walau apa pun undang-undang bertulis lain yang berlawanan, mana-mana mahkamah yang mengkaji semula apa jua tindakan Suruhanjaya di bawah seksyen 6 tidaklah boleh memerintahkan injunksi atau *mandamus* melainkan ianya telah ditentukan selepas notis diberi kepada dan mendengar pihak-pihak yang berkenaan bahawa tindakan yang diadukan itu adalah arbitrari, tidak tegas, menyalahgunakan budi bicara, atau selainnya tidak menurut undang-undang.

Tindakan Suruhanjaya tidak akan dibatalkan oleh injunksi, dll. tanpa penderangan.

8. Menteri boleh memberi kepada Suruhanjaya apa-apa arahan yang difikirkannya patut, yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, tentang perjalanan atau pelaksanaan oleh Suruhanjaya akan fungsi-fungsi Suruhanjaya di bawah Akta ini.

Kuasa Menteri untuk memberi arahan.

BAHAGIAN III

PESURUHJAYA DAGANGAN KOMODITI DAN
KAKITANGAN SURUHANJAYA YANG LAIN

Perlantikan
Pesuruh-
jaya dan
kakitangan
Suruhan-
jaya yang
lain.

9. (1) Suruhanjaya hendaklah, dengan kelulusan Menteri, melantik seorang Pesuruhjaya Dagangan Komoditi.

(2) Suruhanjaya hendaklah juga melantik seorang Timbalan Pesuruhjaya Dagangan Komoditi dan sebilangan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang lain, termasuk Inspektor-Inspektor Dagangan Komoditi, yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

(3) Suruhanjaya hendaklah, sebelum menubuhkan atau mengubahsuai mana-mana skim perkhidmatan untuk Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmatnya atau mana-mana dari golongan itu, termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun dan lain-lain saraan yang kena dibayar dan kemudahan-kemudahan pinjaman untuk membeli kenderaan, mendapatkan kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan bagi skim itu atau pengubahsuaianya.

(4) Perlantikan Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya dan Inspektor-Inspektor Dagangan Komoditi hendaklah disiarkan di dalam *Warta*.

Tugas-
tugas
Pesuruh-
jaya.

10. (1) Di samping fungsi-fungsi yang dinyatakan di bawah Akta ini, Pesuruhjaya hendaklah—

(a) bertanggungjawab untuk melaksanakan keputusan-keputusan Suruhanjaya, menguruskan kumpulan-kumpulan wangnya, pentadbiran am hal-ehwalnya dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya atau diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa;

(b) menghadiri tiap-tiap mesyuarat Suruhanjaya melainkan jika dia dibebaskan oleh Pengerusi, tetapi dia tidaklah mempunyai apa-apa hak untuk mengundi dalam mesyuarat tersebut;

DAGANGAN KOMODITI

19

(c) menjalankan satu audit dan kajian semula tahunan syarikat bursa dan pusat penjelasan dan mengemukakan satu laporan mengenainya kepada Suruhanjaya untuk pertimbangannya.

(2) Dalam menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan tugas-tugasnya, Pesuruhjaya boleh dibantu oleh Timbalan Pesuruhjaya atau oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya.

(3) Sekiranya Pesuruhjaya tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya atas alasan sakit, tidak ada atau oleh apa-apa sebab yang lain, Timbalan Pesuruhjaya hendaklah menjalankan fungsi Pesuruhjaya dengan syarat bahawa persetujuan Menteri hendaklah diperolehi jika tempoh mewakili Pesuruhjaya itu melebihi atau mungkin akan melebihi tempoh tiga bulan berturut-turut.

11. Pesuruhjaya hendaklah mempunyai kuasa—

(a) untuk meminta ketua-ketua eksekutif syarikat bursa dan pusat penjelasan supaya memaklumkan sepenuhnya kepadanya apa-apa aktiviti dan perkembangan syarikat bursa dan pusat penjelasan seperti yang dinyatakannya secara bertulis;

(b) untuk menyampaikan kepada Lembaga Pengurus fakta-fakta sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa jua transaksi atau operasi pasaran, termasuk nama-nama pihak yang terlibat, yang dalam pertimbangan Pesuruhjaya mengganggu atau boleh mengakibatkan gangguan mana-mana pasaran atau selainnya menjejaskan atau bertentangan dengan kepentingan pengeluar, pengguna atau pelabur, atau yang perlu atau patut untuk melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan syarat bahawa apa-apa maklumat yang diberi oleh Pesuruhjaya di bawah perenggan ini tidaklah boleh diumumkan oleh Lembaga Pengurusan, melainkan dalam apa-apa tindakan atau prosiding mengawalselia sendiri;

Kuasa-kuasa Pesuruhjaya.

KOMODITI DAN
LAIN-LAIN

dengan kelulusan
Suruhanjaya Dagangan

melantik seorang
Komoditi dan se-
pengkhidmat-peng-
Inspektor-Inspektor
perlu oleh
fungsi-fungsi-

belum menubuhkan
Perkhidmatan
Pesuruhjaya dan
at-pengkhidmatnya
, termasuk terma-
an, gaji, elaun dan
dan kemudahan-
mbeli kenderaan,
tan Perkhidmatan
i skim itu atau

Timbalan Pesuruhjaya
Komoditi hendak-

yang dinyatakan di
dalam—

melaksanakan ke-
nya, menguruskan
a, pentadbiran am
anakan apa-apa
oleh Suruhan-
gerusi dari semasa

Peraturan Suruhanjaya
oleh Pengerusi,
yang apa-apa hak
kuasa tersebut;

(c) untuk meminta syarikat bursa dan pusat penjelasan—

(i) mengemukakan apa-apa buku akaun, rekod atau dokumen yang disimpan oleh mereka berkaitan dengan atau untuk tujuan-tujuan perniagaan mereka masing-masing; dan

(ii) memberi apa-apa maklumat lain berhubung dengan perniagaan mereka masing-masing yang difikirkannya perlu untuk menjalankan fungsi-fungsinya;

(d) untuk meminta Lembaga Pengurusan mengarah mana-mana jawatankuasa syarikat bursa yang ditubuhkan di bawah kaedah-kaedah syarikat bursa yang telah gagal atau cuai untuk menjalankan atau melaksanakan sesuatu tugas di bawah kaedah-kaedah tersebut supaya dengan serta-merta menjalankan atau melaksanakan tugas tersebut; dan

(e) untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan pentadbiran dan arahan kepada orang-orang berdaftar sebagaimana yang perlu untuk mencapai apa-apa maksud Akta ini.

Kerahsiaan
rasmi.

12. (1) Kecuali sebagaimana yang perlu bagi menjalankan atau melaksanakan mana-mana fungsi di bawah Akta ini atau bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini, tiap-tiap orang yang telah dilantik di bawah atau yang diambilkerja atau yang telah diambilkerja pada menyempurnakan atau membantu mana-mana orang untuk menyempurnakan peruntukan-peruntukan Akta ini—

(a) hendaklah memelihara dan membantu memelihara rahsia berkenaan dengan semua perkara yang sampai kepada pengetahuannya pada menjalankan atau melaksanakan mana-mana fungsi di bawah Akta ini;

(b) tidak boleh menyampaikan mana-mana perkara itu kepada mana-mana orang atau menggunakannya untuk keuntungan kewangan dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain; dan

(c) tidak boleh membiarkan atau membenarkan mana-mana orang mempunyai akses kepada apa-apa rekod yang ada dalam milik, simpanan atau kawalan mana-mana orang yang subseksyen ini terpakai kepadanya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai—

(a) bagi penzahiran apa-apa maklumat yang di- benar supaya dizahirkan atau diberi oleh Pesuruhjaya; atau

(b) bagi penzahiran maklumat bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang yang dibawa di bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa laporan mengenai mana-mana prosiding yang sedemikian itu.

(3) Seseorang yang—

(a) melanggar subseksyen (1); atau

(b) membantu, menyubahati, menasihati atau dapat memujuk mana-mana orang supaya melanggar subseksyen (1),

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN KEWANGAN

13. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang bernama "Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi" yang hendaklah ditadbirkan oleh Suruhanjaya.

Kumpulan
Wang
Suruhan-
jaya
Dagangan
Komoditi.

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang ini—

(a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya dari semasa ke semasa oleh Parlimen;

(b) semua wang yang dipungut oleh Pesuruhjaya sebagai yuran yang ditetapkan di bawah Akta ini;

- (c) semua wang yang dipinjam oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 15;
- (d) semua wang yang didapati atau timbul dari sesuatu pelaburan di bawah seksyen 16, atau daripada apa-apa harta, gadaijanji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau diletakhak pada Suruhanjaya;
- (e) semua jumlah wang denda yang dipungut di bawah seksyen 28 atau 44; dan
- (f) semua jumlah wang lain atau harta yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau diletakhak pada, Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya.

(3) Kumpulan Wang boleh digunakan untuk—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang mungkin dilakukan oleh Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini;
- (b) membayar apa-apa elaun yang kena dibayar kepada anggota-anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 5 sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;
- (c) membayar balik wang-wang yang dipinjam oleh Suruhanjaya menurut seksyen 15;
- (d) memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Suruhanjaya untuk tujuan membeli kenderaan dengan terma-terma dan syarat-syarat yang akan ditetapkan.

Akaun
Deposit-
Deposit
Dagangan
Hadapan.

14. (1) Suruhanjaya hendaklah menubuhkan dan menyenggara juga suatu akaun yang dikenali sebagai "Akaun Deposit-Deposit Dagangan Hadapan" yang hendaklah ditadbirkan oleh Pesuruhjaya.

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Akaun ini—

- (a) semua wang yang diterima oleh Pesuruhjaya sebagai deposit di bawah seksyen 38; dan
- (b) semua wang yang didapati sebagai faedah atas deposit-deposit tersebut.

(3) Wang-wang di dalam Akaun ini hendaklah digunakan oleh Pesuruhjaya semata-mata bagi maksud yang ditetapkan dalam seksyen 40, dan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

15. Suruhanjaya boleh, selepas berunding dengan Menteri, dan atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam wang bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Kuasa
untuk
meminjam.

16. (1) Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri yang diberi selepas mendapat persetujuan Menteri Kewangan, melaburkan Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi atau mana-mana bahagian daripadanya yang tidak dikehendaki dengan segera untuk memenuhi obligasi-obligasi Suruhanjaya atau melaksanakan tugas-tugasnya—

Kuasa
untuk
melabur.

(a) dalam pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan untuk pelaburan kumpulan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu; atau

(b) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh melaburkan wang-wang dalam Akaun Deposit-Deposit Dagangan Hadapan atau mana-mana bahagian daripadanya yang tidak dikehendaki dengan segera untuk maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (3) seksyen 14—

(a) dalam simpanan tetap dengan sesuatu bank berlesen; atau

(b) dalam sekuriti di mana pemegang-pemegang amanahnya adalah diberikuasa oleh undang-undang untuk melaburkan kumpulan wang amanah.

17. Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi dan Akaun Deposit-Deposit Dagangan Hadapan hendaklah tertakluk kepada akaun dan audit mengikut peruntukan-peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Pemakaian
Akta Badan
Berkanun
(Akaun dan
Laporan
Tahunan)
1980.
Akta 240.

BAHAGIAN V
BURSA KOMODITI

Penubuhan,
dll. pasaran
komoditi
dan bursa
komoditi
tidak di-
benarkan
tanpa
kelulusan.

18. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan atau menyenggara atau membantu menubuhkan atau menyenggara atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan atau menyenggara suatu pasaran komoditi yang bukan pasaran komoditi bagi sesuatu bursa komoditi yang ditubuh dan dikendalikan oleh syarikat bursa yang telah diberi kelulusan di bawah subseksyen (1) seksyen 19.

(2) Tiada satupun syarikat boleh menubuh dan mengendalikan bursa komoditi melainkan jika kelulusan di bawah subseksyen (1) seksyen 19 telah diberi kepada syarikat itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa
Menteri
untuk me-
luluskan
penubuhan
bursa
komoditi.

19. (1) Menteri boleh, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh sesuatu syarikat, secara bertulis meluluskan syarikat itu supaya menubuh dan mengendalikan suatu bursa komoditi jika dia berpuas hati bahawa syarikat itu mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (3).

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan disertakan dengan—

(a) satu naskah perlembagaan syarikat itu; dan

(b) apa-apa dokumen dan maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri bagi maksud-maksud kelulusan di bawah subseksyen (1).

(3) Kehendak-kehendak yang disebutkan dalam subseksyen (1) adalah—

(a) bahawa di antara tujuan-tujuan yang terkandung dalam perlembagaan syarikat itu termasuklah suatu peruntukan mengenai penubuhan dan pengendalian sesuatu bursa komoditi;

(b) bahawa sekurang-kurangnya sepuluh orang anggota syarikat itu akan menjalankan urusan berniaga komoditi dengan bebas atau dengan berbandi antara satu sama lain;

(c) bahawa syarikat itu hendaklah—

- (i) menyenggara hingga memuaskan hati Menteri suatu tempat perniagaan yang sekadar dan dilengkapi dengan sempurna;
- (ii) menubuh dan mengendalikan pasaran-pasaran komoditi hanyalah di tempat-tempat yang diluluskan oleh Menteri;
- (iii) menubuhkan atau membuat perkiraan mengenai penubuhan suatu pusat penjelasan bagi mendaftarkan dan menyelesaikan kontrak hadapan dan pelarasan hari ke hari akan kedudukan kewangan bagi kontrak itu;
- (iv) membuat perkiraan untuk menggerenti-kan yang kontrak hadapan yang didaftarkan oleh pusat penjelasan hendaklah ditepati sekiranya berlaku kemungkiran oleh salah satu pihak dalam kontrak itu;

(d) bahawa perlembagaan syarikat itu mengadakan peruntukan bagi membuat kaedah-kaedah yang dipakai bagi syarikat bursa itu atas sifatnya sebagai suatu organisasi bursa dan kaedah-kaedah pasaran komoditi;

(e) bahawa syarikat itu hendaklah membuat perkiraan mengenai penubuhan suatu Kumpulan Wang Pampasan di bawah Bahagian IX;

(f) bahawa perlembagaan syarikat bursa itu hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Suruhanjaya.

Kelulusan
perlem-
bagaan,
kaedah-
kaedah
dan
peraturan-
peraturan
syarikat
bursa, dll.

20. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, perlembagaan, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan syarikat bursa dan pusat penjelasan atau apa-apa pindaan kepadanya memerlukan kelulusan bertulis Suruhanjaya.

(2) Syarikat bursa dan pusat penjelasan, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan kepada Suruhanjaya untuk kelulusannya—

(a) perlembagaan syarikat bursa, pusat penjelasan dan setiap pindaan kepadanya; dan

(b) kaedah-kaedah termasuk kaedah-kaedah pasaran komoditi dan peraturan-peraturan syarikat bursa; kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan pusat penjelasan dan setiap pindaan kepadanya.

(3) Suruhanjaya hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas menerima apa-apa jua yang dikemukakan di bawah subseksyen (2), memberi notis bertulis kepada syarikat bursa atau pusat penjelasan, mengikut mana yang berkenaan, mengenai—

(a) kelulusannya; atau

(b) keengganannya untuk meluluskan,

perlembagaan, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan atau pindaan-pindaan kepadanya atau mana-mana bahagian daripadanya.

Kuasa
Suruhan-
jaya
meminta
dibuat
pindaan-
pindaan
kepada
perlem-
bagaan,
kaedah-
kaedah,
dll.

21. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa selepas diberi notis yang cukup dan peluang untuk mendengar yang munasabah, meminta syarikat bursa atau pusat penjelasan, mengikut mana yang berkenaan, supaya membuat apa-apa pindaan kepada perlembagaan, kaedah-kaedah, termasuk kaedah-kaedah pasaran komoditi atau peraturan-peraturannya yang mana dalam pertimbangan Suruhanjaya adalah perlu untuk mencapai objektif-objektif Akta ini di samping memajukan lagi industri dagangan hadapan komoditi, dan syarikat bursa atau pusat penjelasan itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah mematuhinya dengan sewajarnya.

(c) mengadakan sistem amaran awal untuk mengesan situasi-situasi dan amalan-amalan yang tidak diingini dalam pasaran.

(2) Syarikat bursa dan pusat penjelasan hendaklah—

(a) memberi apa-apa bantuan kepada Pesuruhjaya sebagaimana yang dikehendaknya dengan munasabahnya untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya;

(b) jika syarikat bursa dan pusat penjelasan itu mencela, mendenda, menggantung, membuang atau selainnya mengambil tindakan tatatertib terhadap salah seorang anggota-anggotanya, dalam masa tujuh hari memberi kepada Pesuruhjaya butir-butir bertulis mengenai nama anggota yang berkenaan, sebab-sebab dan keadaan sebenar tindakan diambil, amaun denda, jika ada, dan tempoh penggantungan, jika ada; dan

(c) membenarkan Pesuruhjaya pada setiap masa yang munasabah memasuki dewan dagangan mana-mana pasaran komoditi bursa itu dengan sepenuhnya dan bebas bagi mana-mana maksud Akta ini.

Sekatan mengenai urusan di dalam pasaran komoditi.

24. Perdagangan kontrak hadapan komoditi di dalam pasaran komoditi adalah mengenai apa-apa komoditi yang dinyatakan oleh Menteri melalui perintah dari semasa ke semasa.

Pembatalan kelulusan.

25. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Menteri boleh membatalkan kelulusan yang diberi kepada syarikat bursa di bawah seksyen 19 jika—

(a) syarikat bursa itu tidak lagi mematuhi mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (3) seksyen itu;

(b) syarikat bursa itu tidak lagi mengendalikan bursa komoditi;

(c) syarikat bursa itu sedang digulung; atau

(d) dia menerima syor dari Suruhanjaya di bawah seksyen 29 bagi pembatalan kelulusan yang diberikan demikian itu.

(2) Menteri hendaklah memberi kepada syarikat bursa itu notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari tentang cadangannya hendak membatalkan kelulusan di bawah subseksyen (1) dan notis itu hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi pembatalan itu.

26. (1) Jika syarikat bursa tidak lagi mematuhi mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (3) seksyen 19, atau jika Menteri menerima syor dari Suruhanjaya di bawah seksyen 29, Menteri boleh, daripada membatalkan kelulusan di bawah seksyen 25, mengarahkan bahawa perdagangan dalam semua atau mana-mana pasaran komoditi bagi syarikat bursa itu digantung sehingga suatu masa yang bursa itu telah, hingga memuaskan hati Menteri, mematuhi kehendak itu atau memperbaiki perkara yang menjadi asas syor oleh Suruhanjaya, atau sehingga Menteri membatalkan arahan itu.

Penggantungan perniagaan disebabkan oleh pembatalan kelulusan.

(2) Menteri hendaklah memberi kepada syarikat bursa itu notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari tentang cadangannya untuk mengarahkan penggantungan perdagangan di bawah subseksyen (1) dan notis itu hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi penggantungan itu.

27. (1) Menteri boleh, dengan persetujuan Menteri Kewangan, mengarahkan syarikat bursa supaya bursa komoditi itu ditutup selama suatu tempoh tidak melebihi lima hari perdagangan daripada membuat transaksi mengenai apa-apa perdagangan kontrak hadapan komoditi dalam apa-apa komoditi yang dinyatakan dalam arahan itu jika Menteri berpendapat bahawa transaksi yang teratur mengenai perdagangan itu sedang atau mungkin terhalang disebabkan—

Penutupan bursa komoditi dalam masa darurat.

(a) darurat atau malapetaka alam telah berlaku di Malaysia; atau

(b) wujudnya krisis ekonomi atau kewangan atau apa-apa hal keadaan lain, sama ada di Malaysia atau di tempat lain.

(2) Menteri boleh, dengan persetujuan Menteri Kewangan, melanjutkan lagi tempoh penutupan bursa komoditi di bawah subseksyen (1) yang tiap-tiap satunya tidak melebihi lima hari perdagangan.

(3) Menteri hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi penutupan itu dalam arahan yang diberi di bawah subseksyen (1) dan alasan-alasan bagi apa-apa perlanjutan penutupan di bawah subseksyen (2).

Tindakan terhadap syarikat bursa, pusat penjelasan, dll., kerana gagal mematuhi kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dll.

28. (1) Jika didapati bahawa—

(a) syarikat bursa atau pusat penjelasan—

- (i) telah gagal untuk mematuhi atau mengikut kaedah-kaedah dan peraturan-peraturannya sendiri;
- (ii) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan, kaedah atau perintah yang dibuat di bawahnya; atau
- (iii) telah gagal untuk mematuhi mana-mana arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau

(b) syarikat bursa, pusat penjelasan, mana-mana Lembaganya masing-masing atau mana-mana pegawai atau pekerja syarikat bursa atau pusat penjelasan telah bertindak dengan apa-apa cara berhubungan dengan pengendalian bursa komoditi, mana-mana pasaran komoditi atau pusat penjelasan yang telah memudaratkan atau yang berkemungkinan membawa kemudaratkan kepada kepentingan awam,

Suruhanjaya boleh, selepas memberi notis kepada pihak-pihak yang berkenaan dan mendengar mereka itu, mengambil satu atau lebih daripada tindakan-tindakan yang berikut:

- (i) menggantung perdagangan dalam semua atau mana-mana pasaran komoditi bagi syarikat bursa itu sehingga suatu masa yang bursa itu telah, hingga memuaskan hati Suruhanjaya, mematuhi atau memperbaiki perkara yang menjadi asas penggantungan, atau sehinggalah Suruhanjaya membatalkan penggantungan itu;
- (ii) membuat perintah mengarahkan syarikat bursa, pusat penjelasan atau individu yang berkenaan, supaya mematuhi atau memberhentikan dan berhenti daripada melakukan mana-mana pembuatan tersebut, dan dalam

DAGANGAN KOMODITI

31

akan alasan-alasan yang diberi di bawah bagi apa-apa per-ksyen (2).

enjelasan—
matuhi atau meng-
dan peraturan-

mana peruntukan
mana peraturan,
yang dibuat di

matuhi mana-mana
oleh Suruhanjaya

lasan, mana-mana
atau mana-mana
syarikat bursa atau
tidak dengan apa-
gan pengendalian
pasaran komoditi
telah memudarat-
kinan membawa
ngan awam,

eri notis kepada
mendengar mereka
ripada tindakan-

alam semua atau
iti bagi syarikat
a yang bursa itu
ati Suruhanjaya,
rkara yang men-
atau sehinggalah
nggantungan itu;

ahkan syarikat
individu yang
atau member-
ada melakukan
but, dan dalam

hal syarikat bursa atau pusat penjelasan mengenakan penalti tidak melebihi seratus ribu ringgit, dan dalam hal anggota Lembaga atau seorang pegawai atau pekerja, mengenakan penalti tidak melebihi dua puluh ribu ringgit; atau

(iii) mencela syarikat bursa, pusat penjelasan atau individu yang berkenaan itu.

(2) Penggantungan, penalti atau celaan yang dikenakan di bawah subseksyen (1) adalah konklusif melainkan jika dalam masa empat belas hari selepas daripada itu, syarikat bursa, pusat penjelasan atau individu yang berkenaan itu merayu secara bertulis kepada Menteri terhadap penggantungan, penalti atau celaan itu, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Rayuan di bawah subseksyen (2) tidaklah boleh bertindak sebagai penangguhan terhadap perintah penggantungan yang dibuat di bawah subseksyen (1) (i) melainkan jika diputuskan sebaliknya oleh Suruhanjaya.

(4) Menteri boleh mengesahkan, mengenyepikan apa-apa tindakan Suruhanjaya yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau mengarahkan Suruhanjaya supaya mengubahsuai perintahnya.

29. Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa tindakan atau peninggalan oleh syarikat bursa, mana-mana anggota Lembaga Pengurusan atau mana-mana pegawai syarikat bursa di bawah seksyen 28, adalah dalam satu keadaan yang serius bagi membenarkan pembatalan kelulusan yang diberikan kepada syarikat bursa di bawah seksyen 19, Suruhanjaya boleh, daripada menggantung perdagangan di bawah seksyen 28, membuat syor kepada Menteri supaya membatalkan kelulusan yang diberikan olehnya kepada syarikat bursa itu.

Suruhan-
jaya boleh
mengesyor-
kan pem-
batalan
kelulusan.

Penyiaran
notis pem-
batalan,
pengan-
tungan per-
dagangan
atau
penutupan.

30. Jika—

- (a) kelulusan dibatalkan di bawah seksyen 25; atau
- (b) syarikat bursa itu diarah supaya menggantung perdagangan di bawah seksyen 26 atau 28, atau menutup bursa komoditi di bawah seksyen 27,

Pesuruhjaya hendaklah menyiarkan suatu notis mengenai pembatalan lesen itu atau arahan untuk menggantung perdagangan atau menutup bursa komoditi itu, mengikut mana yang berkenaan.

Berniaga
komoditi
dilarang
dalam masa
pengan-
tungan per-
dagangan
atau bursa
komoditi
ditutup.

31. (1) Walau apa pun peruntukan lain dalam Akta ini, tiada seorangpun boleh dengan apa jua cara mentransaksi apa-apa perdagangan kontrak hadapan komoditi dari jenis yang dinyatakan dalam arahan di bawah seksyen 26 atau 28 dalam masa tempoh penggantungan perdagangan itu atau dalam masa penutupan bursa komoditi itu di bawah seksyen 27.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dilarang
masuk ke
dalam
bursa
komoditi.

32. (1) Jika perdagangan dalam sesuatu komoditi digantung di bawah seksyen 26 atau 28 atau jika bursa komoditi ditutup di bawah seksyen 27 bagi menjalankan transaksi apa-apa perdagangan kontrak hadapan komoditi, Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, dalam masa tempoh penggantungan atau penutupan itu, mengambil apa-apa langkah yang mungkin perlu untuk memastikan bahawa premis bursa komoditi yang diperuntukkan bagi menjalankan transaksi perdagangan itu adalah berkunci dan cukup selamat.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa Pesuruhjaya atau seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, memasuki mana-mana premis yang berkunci dan cukup selamat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PENDAFTARAN PENIAGA-PENIAGA, PENASIHAT-
PENASIHAT DAGANGAN KOMODITI DAN
WAKIL-WAKIL

33. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), Peniaga hendaklah didaftarkan. tiada seorangpun, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, boleh—

- (a) menjalankan urusan berdagang kontrak hadapan komoditi; atau
- (b) mengemukakan dirinya sebagai menjalankan sesuatu urusan sedemikian,

melainkan jika orang itu didaftarkan sebagai seorang peniaga di bawah Akta ini.

(2) Tiada satupun perbadanan yang menjadi peniaga boleh menjalankan urusan sebagai seorang peniaga melainkan jika tiap-tiap pengarah atau pekerja yang ditauliahkan kepada perbadanan itu didaftarkan sebagai seorang peniaga di bawah Akta ini.

(3) Tiada satupun firma yang menjadi peniaga boleh menjalankan urusan sebagai seorang peniaga melainkan jika tiap-tiap pekongsi didaftarkan sebagai seorang peniaga di bawah Akta ini.

(4) Subseksyen (1) tidaklah boleh dipakai bagi seseorang yang berdagang kontrak hadapan komoditi hanya melalui seorang peniaga yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(5) Mana-mana orang yang dengan disedarinya melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan, dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak seribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

(6) Apa-apa kontrak hadapan yang dibuat oleh mana-mana orang, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, yang dikehendaki supaya didaftarkan di bawah subseksyen (1) dan yang tidak didaftarkan sebagaimana yang dikehendaki sedemikian itu, boleh dibatalkan oleh mana-mana pihak lain dalam kontrak itu yang, apabila berbuat demikian, adalah berhak mendapat apa-apa wang atau lain-lain benda yang dia mungkin telah bayar atau serahkan di bawah kontrak itu.

awah seksyen 25; atau supaya menggantung seksyen 26 atau 28, atau di bawah seksyen 27, in suatu notis mengesahkan untuk menggantung bursa komoditi itu,

an lain dalam Akta ngn apa jua cara an kontrak hadapan an dalam arahan di alam masa tempoh atau dalam masa awah seksyen 27.

elanggar subseksyen alahan dan apabila tidak melebihi dua ara selama tempoh ua-duanya.

sesuatu komoditi u 28 atau jika bursa n 27 bagi menjalan- n kontrak hadapan mana pegawai polis daripada Inspektor nggantungan atau apa langkah yang ahawa premis bursa bagi menjalankan erkunci dan cukup

pa kuasa Pesuruh- ig berpangkat tidak asuki mana-mana amat di bawah sub- atu kesalahan dan n denda tidak me- jara selama tempoh a-duanya.

Penasihat
dagangan
komoditi
hendaklah
didaftarkan.

34. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), tiada seorangpun boleh---

- (a) untuk saraan terus, menjalankan urusan menasihati mana-mana orang lain mengenai pembelian atau penjualan kontrak hadapan;
- (b) untuk saraan terus, sebagai sebahagian daripada urusan biasa, mengeluarkan atau mengedarkan analisa atau laporan mengenai pembelian atau penjualan kontrak hadapan;
- (c) untuk saraan terus, menurut suatu kontrak atau perkiraan dengan seseorang kelayan, sanggup menjalankan bagi pihak kelayan itu pengurusan sesuatu portfolio akan komoditi-komoditi, termasuk mengaturkan pembelian, penjualan, pertukaran atau penyimpanan komoditi-komoditi,

melainkan jika orang itu didaftarkan sebagai seorang penasihat dagangan komoditi di bawah Akta ini.

(2) Perenggan (a) subseksyen (1) tidaklah boleh dipakai bagi memberikan nasihat mengenai pembelian atau penjualan kontrak hadapan oleh seorang peniaga kepada kelayannya, jika aktiviti itu adalah bersampingan dengan penjalanan urusan sebagai seorang peniaga.

(3) Perenggan (a) dan (b) subseksyen (1) tidaklah boleh dipakai bagi tuan punya atau penerbit, atau pemberi sumbangan kepada, sesuatu terbitan yang pada amnya diadakan kepada orang awam selain dari dengan berlanggan yang di dalam terbitan itu hanyalah menasihati orang-orang lain mengenai pembelian atau penjualan kontrak hadapan, atau mengeluarkan atau mengedarkan analisa atau laporan mengenai pembelian dan penjualan kontrak hadapan, yang bukan seorang tuan punya atau penerbit, atau pemberi sumbangan kepada, sesuatu terbitan yang tujuannya yang utama atau tunggal ialah untuk menasihati orang-orang lain mengenai pembelian atau penjualan kontrak hadapan, atau untuk mengeluarkan atau mengedarkan analisa atau laporan mengenai pembelian dan penjualan kontrak hadapan.

(4) Bagi maksud-maksud subseksyen (3), "terbitan" ertinya sesuatu akhbar, majalah, jurnal yang *bona fide* atau lain-lain terbitan berkala.

(5) Mana-mana orang yang dengan disedarinya melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

35. (1) Tiada seorangpun boleh melaksanakan bagi seorang peniaga mana-mana daripada fungsi-fungsi seorang peniaga dalam erti seksyen 33, lain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh seorang akauntan, kerani atau juruwang, untuk mendapat saraan berupa gaji, komisen atau selainnya melainkan jika orang itu didaftarkan sebagai seorang wakil peniaga di bawah Akta ini berkenaan dengan seseorang peniaga itu.

Wakil peniaga hendaklah didaftarkan.

(2) Mana-mana orang yang dengan disedarinya melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan, dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

36. (1) Tiada seorangpun boleh melaksanakan bagi seorang penasihat dagangan komoditi mana-mana daripada fungsi-fungsi seorang penasihat dagangan komoditi dalam erti seksyen 34, lain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh seorang akauntan, kerani atau juruwang, untuk mendapat saraan berupa gaji, komisen atau selainnya melainkan jika orang itu didaftarkan sebagai seorang wakil penasihat dagangan komoditi di bawah Akta ini berkenaan dengan penasihat dagangan komoditi itu.

Wakil penasihat dagangan komoditi hendaklah didaftarkan.

(2) Mana-mana orang yang dengan disedarinya melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan, dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

ksyen (2) dan (3), tiada

njalankan urusan me-
ng lain mengenai pem-
ntrak hadapan;

ai sebahagian daripada
r atau mengedarkan
ngenai pembelian atau
an;

nurut suatu kontrak
seseorang kelayan,
gi pihak kelayan itu
folio akan komoditi-
igaturkan pembelian,
atau penyimpanan

rkan sebagai seorang
awah Akta ini.

1) tidaklah boleh di-
mengenai pembelian
oleh seorang peniaga
ti itu adalah ber-
isan sebagai seorang

seksyen (1) tidaklah
i penerbit, atau pem-
terbitan yang pada
m selain dari dengan
n itu hanyalah me-
iai pembelian atau
u mengeluarkan atau
mengenai pembelian
yang bukan seorang
emberi sumbangan
annya yang utama
at orang-orang lain
n kontrak hadapan,
larkan analisa atau
penjualan kontrak

Pendaftaran orang-orang di bawah Bahagian ini.

37. (1) Tertakluk kepada seksyen 38 dan 39 Pesuruhjaya hendaklah, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh mana-mana orang mengikut cara yang ditetapkan dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, mendaftarkan orang itu sebagai—

- (a) seorang peniaga;
- (b) seorang penasihat dagangan komoditi;
- (c) seorang wakil peniaga; atau
- (d) seorang wakil penasihat dagangan komoditi,

mengikut mana yang berkenaan.

(2) Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan kepada orang yang didaftarkan di bawah subseksyen (1) suatu perakuan pendaftaran sepatutnya yang—

(a) adalah sah selama tempoh dua belas bulan bermula pada hari perakuan itu dikeluarkan; dan

(b) hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya.

(3) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan nama orang yang diberikuasa untuk menjalankan urusan sebagai seorang peniaga, penasihat dagangan komoditi, wakil peniaga atau wakil penasihat dagangan komoditi, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada seseorang tidaklah memberi kuasa kepada orang itu untuk menjalankan urusan di bawah apa-apa nama lain daripada nama yang dinyatakan dalam perakuan itu.

Deposit hendaklah dibayar oleh peniaga.

38. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pesuruhjaya boleh menolak untuk mendaftarkan seorang pemohon sebagai peniaga di bawah seksyen 37, melainkan jika—

- (a) (i) dia seorang anggota syarikat bursa; dan
- (ii) dia telah membayar kepada Pesuruhjaya deposit tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dengan wang tunai atau dalam apa-apa bentuk lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya dalam hal yang tertentu, sekiranya dia bercadang hendak berniaga dalam mana-mana Bursa Komoditi Dinyatakan;

(b) dalam hal seorang pemohon yang menjadi pengarah suatu perbadanan, atau pekongsi suatu firma, atau pekerja suatu perbadanan atau firma yang ditauliahkan kepada perbadanan atau firma, mengikut mana yang berkenaan, sebagai seorang peniaga—

(i) perbadanan atau firma itu ialah seorang anggota syarikat bursa; dan

(ii) perbadanan atau firma itu telah membayar kepada Pesuruhjaya deposit tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dengan wang tunai atau dalam apa-apa bentuk lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya dalam hal yang tertentu apabila sahaja perbadanan atau firma itu didaftarkan sebagai peniaga, sekiranya dia bercadang hendak berniaga di mana-mana Bursa Komoditi Dinyatakan;

(c) dalam hal seorang pemohon yang menjadi perbadanan atau firma—

(i) perbadanan atau firma itu ialah seorang anggota syarikat bursa; dan

(ii) perbadanan atau firma itu telah membayar kepada Pesuruhjaya deposit tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dengan wang tunai atau dalam apa-apa bentuk lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya dalam hal yang tertentu apabila sahaja perbadanan atau firma itu didaftarkan sebagai peniaga sekiranya dia bercadang hendak berniaga di mana-mana Bursa Komoditi Dinyatakan.

39. (1) Pesuruhjaya boleh menolak untuk mendaftarkan seorang pemohon di bawah seksyen 37—

Penolakan pendaftaran.

(a) dalam hal seorang pemohon yang menjadi seorang individu, atas alasan-alasan bahawa—

(i) pemohon itu tidak memberi kepada Pesuruhjaya apa-apa maklumat berhubungan dengan dirinya atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau

yang bersekutu dengannya bagi maksud-maksud urusannya, dan berhubungan dengan apa-apa hal keadaan yang mungkin menyentuh cara dia menjalankan urusan, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini;

55/67.

- (ii) pemohon itu seorang si bankrap yang belum dibebaskan atau telah melakukan suatu perbuatan kebangkrapan dalam erti Akta Kebankrapan 1967 atau telah membuat suatu komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya;
- (iii) ternyata kepada Pesuruhjaya bahawa, oleh sebab pemohon itu, atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau bersekutu dengannya bagi maksud-maksud urusannya, telah disabitkan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas suatu kesalahan yang melibatkan suatu keputusan yang dia bertindak dengan cara fraud atau tak jujur, atau telah disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana Akta yang digantikan oleh Akta ini, atau telah melakukan suatu pelanggaran terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana Akta yang digantikan oleh Akta ini berhubungan dengan orang-orang berdaftar, pemohon itu bukanlah seorang yang layak dan patut untuk didaftarkan;
- (iv) ternyata kepada Pesuruhjaya bahawa, oleh sebab apa jua hal keadaan lain yang mungkin membawa kepada penjalanan urusan yang tak patut oleh, atau mencerminkan buruknya cara menjalankan urusan, pemohon itu atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bersekutu dengannya bagi maksud urusannya, pemohon itu bukanlah seorang yang layak dan patut untuk didaftarkan; atau

annya bagi maksud-
dan berhubungan
keadaan yang mung-
dia menjalankan
yang ditetapkan di

g si bankrap yang
au telah melakukan
ankrapan dalam erti
967 atau telah mem-
isi atau perkiraan
miutangnya;

suruhjaya bahawa,
tu, atau mana-mana
erja oleh atau ber-
gi maksud-maksud
ditkan, sama ada di
pat lain, atas suatu
ibatkan suatu ke-
tindak dengan cara
atau telah disabitkan
terhadap Akta ini
a yang digantikan
h melakukan suatu
mana-mana per-
i bawah Akta ini
a yang digantikan
gan dengan orang-
hon itu bukanlah
dan patut untuk

uruhjaya bahawa,
keadaan lain yang
epada perjalanan
oleh, atau men-
cara menjalankan
atau mana-mana
ja oleh atau yang
bagi maksud
itu bukanlah se-
an patut untuk

(v) pemohon tersebut tidak dapat memenuhi mana-mana keperluan kewangan minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui perintah dari semasa ke semasa;

(b) dalam hal seorang pemohon yang menjadi suatu perbadanan, atas alasan-alasan bahawa—

(i) pemohon itu tidak memberi kepada Pesuruhjaya apa-apa maklumat berhubungan dengan dirinya atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bersekutu dengannya bagi maksud-maksud urusannya, dan berhubungan dengan apa-apa hal keadaan yang mungkin menyentuh cara dia menjalankan urusan, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini;

(ii) mana-mana pengarah atau pekerja pemohon itu yang memohon supaya didaftarkan sebagai seorang peniaga atas sifatnya sebagai pengarah atau pekerja itu, mengikut mana yang berkenaan, akan ditolak pendaftarannya di bawah subperenggan (ii) perenggan (a);

(iii) pemohon itu telah pada bila-bila masa terdahulu daripada permohonan itu, membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemuitangnya;

(iv) ternyata kepada Pesuruhjaya bahawa, oleh sebab pemohon itu, atau mana-mana pengarah atau pekerja pemohon itu, telah disabitkan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas suatu kesalahan yang melibatkan suatu keputusan yang dia bertindak dengan cara fraud atau tak jujur, atau telah disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana Akta yang digantikan oleh Akta ini, atau telah melakukan suatu pelanggaran terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana Akta yang digantikan oleh

Akta ini berhubungan dengan orang-orang berdaftar, pemohon itu bukanlah seorang yang layak dan patut untuk didaftarkan;

- (v) ternyata kepada Pesuruhjaya bahawa, oleh sebab apa jua hal keadaan lain yang mungkin membawa kepada penjalanan urusan yang tak patut oleh, atau mencerminkan buruknya cara menjalankan urusan, pemohon itu atau mana-mana pengarah atau pekerja pemohon itu, pemohon itu bukanlah seorang yang layak dan patut untuk didaftarkan; atau
 - (vi) pemohon tersebut tidak dapat memenuhi mana-mana keperluan kewangan minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui perintah dari semasa ke semasa;
- (c) dalam hal seorang pemohon yang menjadi suatu firma, atas alasan-alasan bahawa—
- (i) pemohon itu tidak memberi kepada Pesuruhjaya apa-apa maklumat berhubungan dengannya atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bersekutu dengannya bagi maksud-maksud urusannya, dan berhubungan dengan apa-apa hal keadaan yang mungkin menyentuh cara-cara dia menjalankan urusan, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini;
 - (ii) mana-mana pekongsi atau pekerja pemohon itu yang memohon supaya didaftarkan sebagai peniaga atas sifatnya sebagai pekongsi atau pekerja itu, mengikut mana yang berkenaan, akan ditolak pendaftarannya di bawah subperenggan (ii) perenggan (a);
 - (iii) pemohon itu telah pada bila-bila masa terdahulu daripada permohonan itu membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya;

ngan dengan orang-
mohon itu bukanlah
k dan patut untuk

Pesuruhjaya bahawa,
ial keadaan lain yang
kepada penjalanan
patut oleh, atau men-
a cara menjalankan
tu atau mana-mana
kerja pemohon itu,
mlah seorang yang
k didaftarkan; atau

lak dapat memenuhi
an kewangan mini-
ang ditetapkan oleh
perintah dari semasa

hon yang menjadi
asan bahawa—

memberi kepada
a maklumat ber-
a atau mana-mana
erja oleh atau yang
a bagi maksud-
dan berhubungan
adaan yang mung-
ara dia menjalankan
yang ditetapkan di

si atau pekerja
emohon supava di-
iaga atas sifatnya
pekerja itu, meng-
naan, akan ditolak
wah subperenggan

da bila-bila masa
mohonan itu mem-
isi atau perkiraan
iutangnya;

(iv) ternyata kepada Pesuruhjaya bahawa, oleh sebab pemohon itu, atau mana-mana pekongsi atau pekerja pemohon itu, telah disabitkan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas suatu kesalahan yang melibatkan suatu keputusan yang dia bertindak dengan cara fraud atau tak jujur, atau telah disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana Akta yang digantikan oleh Akta ini, atau telah melakukan suatu pelanggaran terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana Akta yang digantikan oleh Akta ini berhubungan dengan orang-orang berdaftar, pemohon itu bukanlah seorang yang layak dan patut untuk didaftarkan;

(v) ternyata kepada Pesuruhjaya bahawa, oleh sebab apa jua hal keadaan selainnya yang mungkin membawa kepada penjalanan urusan yang tak patut oleh, atau mencerminkan buruknya cara menjalankan urusan, pemohon itu atau mana-mana pekongsi atau pekerja pemohon itu, pemohon itu bukanlah seorang yang layak dan patut untuk didaftarkan; atau

(vi) pemohon tersebut tidak dapat memenuhi mana-mana keperluan kewangan minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui perintah dari semasa ke semasa.

(2) Pesuruhjaya tidak boleh menolak untuk mendaftarkan seseorang pemohon di bawah subseksyen (1) tanpa terlebih dahulu memberi peluang kepada pemohon itu untuk didengar.

(3) Jika Pesuruhjaya menolak untuk mendaftarkan seseorang pemohon di bawah subseksyen (1), dia hendaklah memberitahu pemohon itu secara bertulis yang bermaksudkan sedemikian itu dengan menyatakan sebab-sebab penolakan itu.

Pelupusan
deposit-
deposit
yang dibayar
di bawah
seksyen 38.

40. (1) Jika—

- (a) seorang individu yang menjadi peniaga jadi bankrap, Pesuruhjaya hendaklah memindahkan deposit yang dibayar oleh atau berkenaan dengan individu itu di bawah seksyen 38 kepada pemegang amanah dalam kebankrapannya;
- (b) suatu perbadanan atau firma yang menjadi peniaga diperintahkan supaya digulung atau dibubarkan dengan atau di bawah pengawasan mahkamah, Pesuruhjaya hendaklah memindahkan deposit yang dibayar oleh atau berkenaan dengan perbadanan atau firma itu di bawah seksyen 38 kepada likuidator perbadanan atau firma itu; atau
- (c) Pesuruhjaya mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana orang telah menanggung kerugian kewangan disebabkan kemungkiran yang dilakukan semasa menjalankan atau berkaitan dengan urusan perdagangan hadapan komoditi seseorang peniaga, oleh peniaga itu atau mana-mana pengarah, pekongsi atau pekerja, mengikut mana yang berkenaan, yang ditauliahkan kepada peniaga itu, maka Pesuruhjaya boleh melucuthakkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada deposit yang dibayar oleh atau berkenaan dengan peniaga itu di bawah seksyen 38.

(2) Jika sesuatu deposit dipindahkan kepada pemegang amanah dalam kebankrapan di bawah perenggan (a) subseksyen (1), atau kepada likuidator di bawah perenggan (b) subseksyen (1), maka deposit itu hendaklah digunakan oleh pemegang amanah atau likuidator, mengikut mana yang berkenaan, mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Jika sekiranya sesuatu deposit atau mana-mana bahagian daripada deposit itu dilucuthakkan di bawah perenggan (c) subseksyen (1), maka deposit itu hendaklah digunakan oleh Pesuruhjaya mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Jika mana-mana deposit dipindahkan atau dilucuthakkan di bawah subseksyen (1), Pesuruhjaya hendaklah memberitahu secara bertulis kepada orang yang membayar deposit itu tentang pemindahan atau perlucuthakan itu.

(5) Deposit yang diberi di bawah seksyen 38 hendaklah digunakan oleh Pesuruhjaya mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(6) Tiada apa-apa jua deposit yang dibayar kepada Pesuruhjaya di bawah seksyen 38 akan boleh digunakan untuk mengganti kerugian sesiapa yang telah menanggung kerugian kewangan akibat berniaga dalam sesuatu bursa yang bukan Bursa Komoditi Dinyatakan.

41. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Pesuruhjaya hendaklah, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh orang berdaftar mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat daripada satu bulan sebelum hari yang pendaftarannya, jika tidak dibaharui, akan tamat tempoh dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, membaharui pendaftaran orang tersebut.

Pembaruan pendaftaran.

(2) Pesuruhjaya boleh menghendaki seseorang pemohon di bawah subseksyen (1) supaya memberi kepadanya apa-apa maklumat tambahan yang difikirkannya perlu untuk menguruskan permohonan itu.

(3) Pesuruhjaya boleh menolak untuk membaharui pendaftaran orang berdaftar di bawah subseksyen (1)—

(a) atas apa jua alasan yang Pesuruhjaya boleh menolak untuk mendaftarkan di bawah seksyen 39;

(b) atas apa jua alasan yang Pesuruhjaya boleh membatalkan pendaftaran orang itu di bawah seksyen 42 atau 44; atau

(c) atas alasan orang itu tidak mematuhi subseksyen (1) atau apa-apa kehendak Pesuruhjaya di bawah subseksyen (2).

(4) Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan kepada orang berdaftar yang pendaftarannya dibaharui di bawah subseksyen (1) suatu perakuan pendaftaran sepatutnya yang—

- (a) adalah sah selama tempoh dua belas bulan bermula dari hari tamat tempohnya perakuan pendaftaran yang dipegang oleh orang berdaftar itu pada masa permohonannya untuk pembaharuan; dan
- (b) hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang pembaharuan pendaftaran orang berdaftar yang telah dibaharui daripada dibaharui lagi di bawah seksyen ini.

(6) Pesuruhjaya tidak boleh menolak untuk membaharui pendaftaran orang berdaftar di bawah subseksyen (3) tanpa terlebih dahulu memberi peluang kepada orang itu untuk didengar.

(7) Jika Pesuruhjaya menolak untuk membaharui pendaftaran orang berdaftar di bawah subseksyen (3), dia hendaklah memberitahu orang itu secara bertulis yang bermaksudkan sedemikian itu dengan menyatakan sebab-sebab penolakan itu.

Pembatalan
pendaf-
taran.

42. (1) Pendaftaran orang berdaftar adalah disifatkan sebagai terbatal, dalam hal—

- (a) seseorang individu, jika individu itu mati;
- (b) sesuatu perbadanan, jika perbadanan itu digulung;
- (c) sesuatu firma, jika perkongsian itu dibubarkan;
- (d) mana-mana satu daripada yang tersebut di atas, yang telah berhenti daripada menjadi anggota syarikat bursa.

(2) Pesuruhjaya boleh membatalkan pendaftaran orang berdaftar—

(a) dalam hal orang berdaftar yang menjadi seorang individu—

- (i) atas apa jua alasan yang Pesuruhjaya boleh menolak untuk mendaftarkan di bawah perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 39;
- (ii) jika levi pelaksanaan berkenaan dengan dirinya belum lagi dijelaskan;
- (iii) jika dia tidak atau berhenti menjalankan urusan yang baginya dia telah didaftarkan; atau
- (iv) jika, dalam hal seseorang wakil, pendaftaran peniaga atau penasihat dagangan komoditi, yang berhubungan dengannya perakuan pendaftaran wakil itu telah diberi, dibatalkan;

(b) dalam hal orang berdaftar yang menjadi suatu perbadanan—

- (i) atas apa jua alasan yang Pesuruhjaya boleh menolak untuk mendaftarkan di bawah perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 39;
- (ii) jika ianya sedang digulung atau akan digulung;
- (iii) jika levi pelaksanaan berkenaan dengannya belum lagi dijelaskan;
- (iv) jika ia membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya; atau
- (v) jika ia tidak atau berhenti menjalankan urusan yang baginya ia telah didaftarkan;

(c) dalam hal orang berdaftar yang menjadi suatu firma—

- (i) atas apa jua alasan yang Pesuruhjaya boleh menolak untuk mendaftarkan di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 39;
- (ii) jika perkongsian sedang dibubarkan atau akan dibubarkan;

- (iii) jika levi pelaksanaan berkenaan dengannya belum lagi dijelaskan;
- (iv) jika ia telah membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya; atau
- (v) jika ia tidak atau berhenti menjalankan urusan yang baginya ia telah didaftarkan.

(3) Pesuruhjaya boleh membatalkan pendaftaran orang berdaftar atas permintaan orang itu.

(4) Pesuruhjaya tidaklah boleh membatalkan pendaftaran orang berdaftar di bawah subseksyen (2) tanpa terlebih dahulu memberi peluang kepada orang itu untuk didengar.

(5) Jika Pesuruhjaya membatalkan pendaftaran orang berdaftar di bawah subseksyen (2) dia hendaklah memberitahu orang itu secara bertulis yang bermaksudkan sedemikian dengan menyatakan sebab-sebab pembatalan itu dan menyebutkan tarikhnya pembatalan itu hendaklah mula berkuatkuasa.

Pendaftaran orang berdaftar dianggap telah digantung apabila keanggotaan dalam syarikat bursa digantung.

43. Pendaftaran seseorang orang berdaftar adalah dianggap telah digantung apabila orang berdaftar tersebut telah digantung keanggotaannya dalam syarikat bursa di bawah kaedah-kaedah syarikat bursa dan penggantungan tersebut akan berterusan sehingga keanggotaannya dalam syarikat bursa itu dipulihkan atau sehingga pendaftarannya telah diputuskan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini, mengikut mana yang terdahulu.

Kuasa Pesuruhjaya dalam hal-hal mengenai salahlaku, dsb.

44. (1) Pesuruhjaya boleh menyiasat apa-apa pengatahan yang dibuat oleh sesiapa termasuk seorang pegawai Suruhanjaya—

(a) bahawa seseorang orang berdaftar—

- (i) adalah atau telah melakukan sesuatu perbuatan salahlaku;
- (ii) tidak lagi menjadi orang yang layak dan patut untuk terus kekal didaftarkan oleh sebab apa jua hal keadaan lain yang telah membawa, atau mungkin membawa, kepada penjalanan urusan yang tak patut olehnya atau mencerminkan buruknya cara dia menjalankan urusannya; atau

(b) bahawa, dalam hal orang berdaftar yang menjadi suatu perbadanan atau firma, seseorang pengarah, pekongsi atau pekerja yang ditauliahkan kepada perbadanan atau firma, mengikut mana yang berkenaan, yang menjadi orang berdaftar—

(i) adalah atau telah melakukan suatu perbuatan salahlaku; atau

(ii) tidak lagi menjadi orang yang layak dan patut untuk terus kekal didaftarkan oleh sebab apa jua hal keadaan lain yang telah membawa, atau mungkin membawa, kepada penjalanan urusan yang tidak patut olehnya atau mencerminkan buruknya cara dia menjalankan urusannya.

(2) Jika selepas menyiasat sesuatu pengataan di bawah subseksyen (1) terhadap orang berdaftar, Pesuruhjaya berpendapat bahawa pengataan itu terbukti, maka dia boleh jika difikirkannya patut—

(a) membatalkan pendaftaran orang itu;

(b) menggantung pendaftaran orang itu untuk seberapa lama, atau sehingga berlakunya sesuatu kejadian, sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya;

(c) mencela orang itu; atau

(d) mengenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(3) Pesuruhjaya hendaklah, bila mendengar sesuatu siasatan ke atas pengataan di bawah subseksyen (1) terhadap orang berdaftar, memberi peluang kepada orang itu untuk didengar.

(4) Jika Pesuruhjaya mengenakan mana-mana hukuman yang dinyatakan di bawah subseksyen (2), dia hendaklah memberitahu orang berdaftar yang berkenaan dan perbadanan atau firma yang dia ditauliahkan dan juga syarikat bursa, secara bertulis yang bermaksudkan sedemikian dengan menyatakan sebab-sebab dan, dalam hal pembatalan atau penggantungan pendaftaran, menyebutkan tarikhnya pembatalan atau penggantungan itu hendaklah mula berkuatkuasa.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "salahlaku" ertinya—

- (a) apa-apa kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak Akta ini berkenaan dengan orang-orang berdaftar;
- (b) apa-apa kegagalan untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat sesuatu perakuan pendaftaran;
- (c) apa-apa perbuatan atau ketinggalan berhubungan dengan penjalanan urusan orang berdaftar yang memudaratkan atau mungkin mendatangkan mudarat kepada kepentingan awam.

(6) Apa-apa jumlah wang yang diperintahkan oleh Pesuruhjaya supaya dibayar sebagai denda di bawah subseksyen (2) hendaklah dianggap sebagai hutang yang patut dibayar oleh orang berdaftar yang berkenaan kepada Suruhanjaya dan hendaklah didapatkan kembali dengan sewajarnya dalam mahkamah.

Kesan pembatalan atau penggantungan pendaftaran.

45. (1) Seseorang yang pendaftarannya dibatalkan di bawah seksyen 42, digantung menurut seksyen 43 atau dibatalkan atau digantung di bawah seksyen 44 hendaklah, bagi maksud seksyen 33, 34, 35 atau 36, mengikut mana yang berkenaan, disifatkan sebagai tidak didaftarkan.

(2) Pembatalan atau penggantungan pendaftaran seseorang tidak dikira sebagai—

- (a) mengelak atau menjejaskan apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan berhubungan dengan berdagang kontrak hadapan komoditi yang dibuat oleh orang itu, sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan itu telah dibuat sebelum atau selepas pembatalan atau penggantungan pendaftaran itu; atau
- (b) menjejaskan apa-apa hak, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan itu.

(3) Seseorang yang pendaftarannya dibatalkan di bawah seksyen 42 (lain daripada subperenggan (iii) atau (iv) perenggan (a), subperenggan (ii) atau (v) perenggan (b), atau subperenggan (ii) atau (v) perenggan

(c), dalam subseksyen (2) seksyen itu) atau seksyen 44 atau digantung menurut seksyen 44 tetapi belum dibatalkan penggantungannya sebelum tamat tempoh pendaftarannya di bawah Akta ini tidak boleh memohon untuk didaftarkan di bawah Bahagian ini sebagai orang berdaftar sehingga tamatnya tempoh sekurang-kurangnya dua belas bulan dari tarikh pembatalan.

46. Jika—

- (a) Pesuruhjaya menolak untuk mendaftarkan seorang pemohon di bawah seksyen 38 atau 39;
- (b) deposit dipindahkan atau dilucuthak oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 40 atau digunakan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) Pesuruhjaya menolak untuk membaharui pendaftaran orang berdaftar di bawah seksyen 41;
- (d) perakuan pendaftaran dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah subseksyen (2) seksyen 37 atau subseksyen (4) seksyen 41 tertakluk kepada syarat-syarat;
- (e) pendaftaran seseorang orang berdaftar dibatalkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 42; atau
- (f) pendaftaran seseorang orang berdaftar dibatalkan atau digantung, atau seseorang orang berdaftar dicela atau didenda oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 44,

maka mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya itu boleh, dalam tempoh satu bulan selepas dia diberitahu tentang keputusan itu, merayu kepada Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

47. (1) Mana-mana orang yang bagi maksud mendapatkan pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran di bawah Bahagian ini, sama ada untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, membuat apa-apa representasi, sama ada secara bertulis atau secara lisan, yang dia ketahui adalah palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir material adalah melakukan

Rayuan kepada Suruhanjaya terhadap penolakan permohonan, dll.

Representasi palsu mendapatkan pendaftaran.

suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "representasi" ertinya suatu representasi atau kenyataan—

- (a) mengenai sesuatu perkara fakta, sama ada masa lampau atau masa sekarang;
- (b) tentang suatu kejadian masa depan; atau
- (c) tentang niat, pendapat, kepercayaan, pengetahuan yang sedia ada atau lain-lain perasaan hati.

Maklumat hendaklah diberi oleh orang-orang berdaftar.

48. (1) Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pesuruhjaya dalam borang yang ditetapkan akan apa-apa perubahan yang, semasa perakuan pendaftarannya masih berkuatkuasa, mungkin berlaku—

- (a) tentang alamat di Malaysia di mana dia menjalankan urusan sebagai orang berdaftar;
- (b) tentang nama urusan atau nama perbadanan atau firma; atau
- (c) tentang apa-apa maklumat yang diberi di dalam atau berkaitan dengan permohonannya untuk pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran,

mengikut mana yang berkenaan.

(2) Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah dengan serta-merta, apabila berhenti menjalankan urusan yang mana dia telah didaftarkan, memberitahu Pesuruhjaya dalam borang yang ditetapkan akan hal itu.

(3) Jika, pada bila-bila masa semasa perbadanan atau firma didaftarkan sebagai peniaga atau penasihat dagangan komoditi, mana-mana pengarah, pekongsi atau pekerja perbadanan atau firma ditauliahkan atau berhenti daripada ditauliahkan kepada perbadanan atau firma, mengikut mana yang berkenaan, maka perbadanan atau firma itu hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas kejadian itu memberitahu Pesuruhjaya dalam borang yang ditetapkan akan nama dan alamat pengarah, pekongsi atau pekerja itu dan apa-apa butir lain sebagaimana yang dinyatakan dalam borang itu.

(4) Jika wakil peniaga atau wakil penasihat dagangan komoditi menjadi wakil atau berhenti menjadi wakil bagi peniaga atau penasihat dagangan komoditi, maka wakil tersebut dan peniaga atau penasihat dagangan komoditi itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas kejadian itu memberitahu Pesuruhjaya dalam borang yang ditetapkan akan hal itu.

(5) Mana-mana orang yang, tanpa sebab yang munasabah, melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

49. (1) Pesuruhjaya hendaklah mengadakan dan menyenggara di pejabatnya daftar-daftar yang berasingan mengenai peniaga-peniaga, penasihat-penasihat dagangan komoditi dan wakil mereka masing-masing dan di dalamnya hendaklah dicatatkan nama kesemua orang berdaftar dan apa-apa butir lain sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

Pesuruhjaya hendaklah menyimpan daftar orang-orang berdaftar.

(2) Daftar-daftar yang disimpan di bawah seksyen ini dan semua permohonan yang dibuat oleh orang-orang berdaftar untuk pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran hendaklah, pada waktu-waktu yang ditetapkan dan apabila dibayar apa jua fee yang ditetapkan, dibuka untuk diperiksa oleh orang-orang awam.

(3) Salinan apa-apa jua cabutan dari sesuatu catatan di dalam mana-mana daftar yang disimpan di bawah seksyen ini, yang berupa sebagai diperakui oleh Pesuruhjaya, bolehlah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang, sama ada di bawah Akta ini atau selainnya.

50. (1) Pesuruhjaya hendaklah menyebabkan supaya disiarkan nama dan alamat kesemua orang berdaftar dalam *Warta* mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Penyiaran nama dan alamat orang-orang berdaftar.

(2) Maklumat yang dikehendaki disiarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap satu tahun.

(3) Jika Pesuruhjaya pada bila-bila masa meminda mana-mana daftar yang disimpan olehnya di bawah Bahagian ini dengan menambah atau memotong nama mana-mana orang, maka dia hendaklah menyebabkan supaya butir-butir mengenai pindaan itu disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

Tafsiran.

51. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "kelayan" ertinya seseorang yang atas akaunnya seorang peniaga menjalankan apa-apa perdagangan kontrak hadapan komoditi sebagai seorang ejen.

Akaun
hendaklah
disimpan
oleh
peniaga.

52. (1) Seseorang peniaga hendaklah—

(a) menyebabkan supaya disimpan apa-apa rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang akan menghuraikan dengan cukup transaksi-transaksi dan mencerminkan kedudukan kewangan urusan berdagang kontrak hadapan komoditi yang dijalankan olehnya dan yang membolehkan akaun-akaun untung-rugi dan kunci kira-kira yang benar dan saksama disediakan dari semasa ke semasa; dan

(b) menyebabkan supaya rekod-rekod itu disimpan dengan sedemikian cara untuk membolehkannya diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(2) Tanpa menyentuh keluasan makna subseksyen (1), seseorang peniaga hendaklah menyebabkan supaya rekod-rekod itu disimpan—

(a) dengan secukup lengkap untuk menunjukkan butir-butir—

(i) semua amaun yang diterima dan dibayar oleh peniaga, termasuk amaun yang dibayar kepada dan digantibayar dari akaun terasing;

(ii) semua pembelian dan penjualan kontrak hadapan yang dibuat oleh peniaga, dan bayaran serta kredit yang berbangkit daripadanya; dan

(b) dengan secukup lengkap untuk menunjukkan secara berasingan butir-butir mengenai semua transaksi oleh peniaga dengan, atau untuk akaun—

- (i) kelayan peniaga itu; dan
- (ii) peniaga itu sendiri.

(3) Seseorang peniaga hendaklah memegang-simpan—

(a) selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, rekod-rekod yang disimpan mengikut seksyen ini; dan

(b) selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun—

- (i) satu naskhah tiap-tiap satu kontrak hadapan yang dibuat olehnya sebagai ejen seseorang kelayan; dan

- (ii) tiap-tiap satu kontrak hadapan yang diterima olehnya atau dibuat atas dirinya sendiri sebagai prinsipal.

(4) Rekod-rekod yang dikehendaki disimpan oleh seseorang peniaga mengikut seksyen ini hendaklah disimpan sama ada dengan membuat catatan-catatan dalam suatu buku berjilid atau dengan merekodkan atau menyimpan perkara-perkara yang relevan itu dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diluluskan oleh Pesuruhjaya, dan apa-apa jua yang dicatat, direkod atau disimpan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai telah dilaksanakan oleh peniaga itu atau dengan kuasanya.

(5) Peniaga hendaklah mengambil langkah-langkah pengawasan yang munasabah untuk melindungi rekod-rekod itu daripada pemalsuan dan kerosakan atau kehilangan dan untuk memudahkan diketahui akan apa-apa pemalsuan.

(6) Mana-mana peniaga yang, tanpa sebab yang munasabah, melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(7) Jika, dalam mana-mana rekod yang disimpan mengikut seksyen ini, seseorang bersengaja—

- (a) mencatat, merekod atau menyimpan, atau menyebabkan supaya dicatat, direkod atau disimpan dengan apa jua cara selainnya apa-apa perkara yang dia ketahui sebagai palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir material;
- (b) membinasa, menghapus atau memalsukan, atau menyebabkan supaya dibinasa, dihapus atau dipalsukan, apa-apa perkara yang dicatat, direkodkan atau disimpan; atau
- (c) tidak mencatat, merekod atau menyimpan apa-apa perkara dengan niat hendak memalsukan rekod-rekod atau mana-mana bahagian daripada rekod-rekod yang dimaksud hendak disusun dari perkara itu,

dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Wang
hendaklah
dibayar
ke dalam
akaun
terasing.

53. (1) Seseorang peniaga hendaklah mengadakan dan menyimpan, dengan suatu pertubuhan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya bagi maksud-maksud subseksyen ini atau dengan suatu bank berlesen, satu atau beberapa akaun terasing yang ke dalamnya hendaklah membayar, tidak lewat dari hari urusan yang berikutnya selepas penerimaannya, semua amaun (ditolak apa-apa bayaran broker dan lain-lain bayaran yang patut berhubungan dengan kehendak sesuatu pusat penjelasan atau lain-lain pertubuhan penjelasan) yang diterima daripada, atau untuk akaun, mana-mana kelayan mengenai pembelian atau penjualan kontrak hadapan, kecuali amaun-amaun tersebut yang dibayar kepada kelayan itu, atau mengikut arahan-arahannya, iaitu bukannya arahan-arahan supaya dibayar ke dalam akaun peniaga yang bukannya suatu akaun terasing.

(2) Semua amaun yang dikehendaki dibayar ke dalam akaun terasing di bawah subseksyen (1) hendaklah dipegangsimpan di situ oleh peniaga sehingga amaun-amaun itu dibayar kepada kelayan yang bagi pihaknya amaun-amaun itu dipegang atau mengikut arahan-arahannya atau sehingga amaun-amaun itu

DAGANGAN KOMODITI

55

rekod yang disimpan bersengaja—

atau menyimpan, atau dicatat, direkod atau cara selainya apa-apa ketahui sebagai palsu mengenai sesuatu butir

atau memalsukan, atau dibinasa, dihapus perkara yang dicatat, atau

atau menyimpan apa-apa hendak memalsukan mana bahagian dari-nya dimaksud hendak

salahan dan apabila tidak melebihi selama tempoh tidak lainya.

atau mengadakan dan lain yang diluluskan maksud subseksyen ini satu atau beberapa apa hendaklah mem- an yang berikutnya un (ditolak apa-apa ran yang patut ber- tu pusat penjelasan san) yang diterima mana-mana kelayan dan kontrak hadapan, ng dibayar kepada un-arahannya, iaitu dibayar ke dalam un akaun terasing.

hendak dibayar ke seksyen (1) hendak- peniaga sehingga kelayan yang bagi ng atau mengikut amaun-amaun itu

dikehendaki untuk menjelaskan bayaran sepenuhnya mengenai pembelian atau penjualan kontrak hadapan bagi pihak kelayan itu.

(3) Tiap-tiap peniaga hendaklah menyimpan suatu rekod mengenai—

- (a) semua amaun yang dibayar ke dalam akaun terasing yang disimpan olehnya, dengan menyebutkan kelayan-kelayan yang bagi pihaknya amaun-amaun itu dipegang dan tarikh-tarikhnya amaun-amaun itu dibayar ke dalam akaun;
- (b) semua keluaran dari akaun terasing itu, tarikh-tarikh keluaran itu, dan nama kelayan-kelayan yang bagi pihaknya keluaran-keluaran itu dibuat; dan
- (c) apa-apa butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(4) Seseorang peniaga tidaklah boleh mengguna atau membenarkan atau membiarkan apa-apa wang atau sekuriti yang ada dalam akaun terasing kelayan-kelayannya digunakan untuk mendebitkan hutang-hutang dalam akaun perniagaannya sendiri (termasuk akaun pekongsi-pekongsi, pengarah-pengarah dan pekerja-pekerjanya) atau untuk faedah akaun-akaun perniagaan mana-mana kelayan lain peniaga tersebut.

(5) Mana-mana peniaga atau mana-mana pekerja atau ejen peniaga yang—

- (a) tanpa sebab yang munasabah, melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya;
- (b) dengan melanggar seksyen ini, menggelapkan, mencuri atau selainya menukarkan kepada kegunaannya sendiri atau kegunaan seorang lain, apa-apa wang atau sekuriti yang diterima oleh orang itu bagi maksud memarginkan, menggerenti atau menjamin dagangan atau kontrak mana-mana kelayan atau yang terakru kepada kelayan tersebut

sebagai hasil dari dagangan atau kontrak berkeenaan atau selainnya diterima daripada mana-mana kelayan berkaitan dengan urusan berdagang kontrak hadapan komoditi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Wang dalam akaun terasing tidak boleh digunakan untuk membayar hutang, dll.

54. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Bahagian ini, wang yang dipegang dalam sesuatu akaun terasing tidaklah boleh digunakan untuk membayar hutang seseorang peniaga atau tidaklah boleh kena dibayar atau diambil pada melaksanakan sesuatu perintah atau proses mana-mana mahkamah.

(2) Apa-apa bayaran yang dibuat dengan melanggar subseksyen (1) adalah tak sah *ab initio*, dan tidak seorangpun yang telah dibayar wang itu boleh mendapat apa-apa hak terhadapnya.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidaklah menjejaskan keesahan apa-apa bayaran daripada sesuatu akaun terasing oleh seorang peniaga kepada pusat penjelasan dalam memenuhi obligasi-obligasi peniaga itu di bawah peraturan-peraturan pusat penjelasan.

Tuntutan dan lien ke atas akaun terasing tidak tersentuh.

55. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai menolak atau menjejaskan apa-apa tuntutan atau lien yang sah di sisi undang-undang yang seseorang ada hak terhadap apa-apa wang yang dipegang dalam akaun terasing atau terhadap apa-apa wang yang diterima untuk membeli kontrak hadapan atau daripada penjualan kontrak hadapan sebelum wang itu dibayar ke dalam akaun terasing.

Peniaga hendaklah melantik juruaudit.

56. (1) Seseorang peniaga hendaklah melantik seorang juruaudit untuk mengaudit akaun-akaunnya (termasuk semua akaun terasing yang dikehendaki disimpan oleh peniaga di bawah seksyen 53) dan, jika oleh kerana sesuatu sebab juruaudit itu berhenti daripada menjalankan tugas peniaga itu, maka peniaga itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas itu, melantik seorang juruaudit lain untuk menggantinya.

(2) Seseorang juruaudit tidak berhak untuk dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

- (a) di mana peniaga itu seorang individu, dia seorang pekerja peniaga itu atau dia bekerja dengan mana-mana pekerja peniaga itu;
- (b) di mana peniaga itu suatu perbadanan, dia seorang pengarah atau pekerja perbadanan atau dia bekerja dengan mana-mana pengarah atau pekerja perbadanan itu; atau
- (c) di mana peniaga itu suatu firma, dia seorang pekongsi atau pekerja firma itu atau dia bekerja dengan mana-mana pekongsi atau pekerja firma itu.

(3) Nama dan butir-butir tiap-tiap juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah diberikan kepada Pesuruhjaya secara bertulis dalam tempoh satu bulan perlantikan itu dibuat.

57. (1) Seseorang peniaga hendaklah dalam hal setiap tahun kewangan selepas Akta ini mula berkuatkuasa menyediakan suatu akaun untung-rugi yang betul dan saksama dan suatu kunci kira-kira yang dibuat hingga ke hari terakhir tahun kewangan itu dan menyerahkan simpanan akaun dan kunci kira-kira itu kepada Pesuruhjaya dalam tempoh enam bulan, atau suatu tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya di bawah subseksyen (2) selepas berakhirnya tahun kewangan bersama-sama dengan laporan juruaudit mengenai akaun dan kunci kira-kira itu.

Peniaga hendaklah menyerahkan akaun tahunan, dll.

(2) Jika sesuatu permohonan untuk melanjutkan tempoh enam bulan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dibuat oleh peniaga kepada Pesuruhjaya dan Pesuruhjaya berpuas hati bahawa ada sebab-sebab teristimewa yang memerlukan perlanjutan itu, maka Pesuruhjaya boleh melanjutkan tempoh itu selama satu bulan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan oleh Pesuruhjaya.

(3) Mana-mana peniaga yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu lima ratus ringgit.

atau kontrak ber-
na daripada mana-
ngan urusan ber-
komoditi, adalah
dan apabila di-
denda tidak me-
nggit atau penjara
di dua tahun atau

rtukkan selainnya
ang dalam sesuatu
akan untuk mem-
u tidaklah boleh
ksanakan sesuatu
hkamah.

engan melanggari
initio, dan tidak
u boleh mendapat

lah menjejaskan
esuatu akaun ter-
pusat penjelasan
iaga itu di bawah

an ini boleh di-
ejaskan apa-apa
ang-undang yang
wang yang di-
rhadap apa-apa
ontrak hadapan
adapan sebelum
asing.

nelantik seorang
nnya (termasuk
di disimpan oleh
ka oleh kerana
ipada menjalan-
itu hendaklah,
selepas itu, me-
nggantinya.

Laporan
oleh juru-
audit
kepada Pe-
suruhjaya
dalam
hal-hal
tertentu.

58. Jika semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai juruaudit bagi seseorang peniaga, seseorang juruaudit—

(a) mendapat tahu mengenai sesuatu perkara yang pada pendapatnya menjejaskan dengan mudratnya kedudukan kewangan peniaga itu setakat yang material; atau

(b) mendapat bukti tentang suatu pelanggaran terhadap seksyen 52 dan 53 oleh peniaga,

maka dia hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas itu, menghantar suatu laporan bertulis mengenai perkara atau pelanggaran itu kepada Pesuruhjaya dan kepada peniaga itu.

Kuasa Pe-
suruhjaya
melantik
juruaudit.

59. (1) Jika—

(a) seseorang peniaga tidak menyerahsimpankan suatu laporan juruaudit di bawah seksyen 57;

(b) Pesuruhjaya menerima suatu laporan di bawah seksyen 58; atau

(c) Pesuruhjaya ada sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan atau bahawa pelanggaran terhadap apa-apa syarat pendaftaran telah dilakukan,

maka Pesuruhjaya boleh, jika dia berpuas hati bahawa adalah untuk kepentingan peniaga, kelayan-kelayan peniaga atau orang awam amnya berbuat demikian, melantik secara bertulis seorang juruaudit untuk memeriksa dan mengaudit, sama ada pada amnya atau berhubungan dengan sesuatu perkara tertentu, buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod peniaga itu.

(2) Jika Pesuruhjaya berpendapat bahawa kesemua atau apa-apa bahagian daripada kos dan perbelanjaan seseorang juruaudit yang dilantik olehnya di bawah subseksyen (1) patut ditanggung oleh peniaga itu, Pesuruhjaya boleh, dengan perintah bertulis, mengarahkan peniaga itu membayar suatu amaun tertentu iaitu amaun bagi kesemua atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam tempoh dan mengikut cara yang ditentukan.

(3) Jika seseorang peniaga tidak mematuhi sesuatu perintah di bawah subseksyen (2), amaun yang ditentukan dalam perintah itu boleh dituntut dan didapatkan kembali oleh Pesuruhjaya sebagai hutang dalam sesuatu mahkamah.

60. (1) Apabila diterima sesuatu permohonan bertulis daripada kelayan yang mengatakan bahawa seseorang peniaga telah tidak memperakaunkan kepadanya apa-apa wang yang dipegang atau diterima, atau apa-apa kontrak hadapan yang dibeli atau dijual, oleh peniaga itu untuknya atau bagi pihaknya, Pesuruhjaya boleh, setelah terlebih dahulu memberi peluang kepada peniaga itu untuk memberi penjelasan kerana tidak memperakaunkan itu, melantik secara bertulis seorang juruaudit untuk memeriksa dan mengaudit, sama ada pada amnya atau berhubungan dengan sesuatu perkara tertentu, buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod peniaga itu.

Kuasa Pesuruhjaya melantik juruaudit atas permohonan kelayan.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan—

- (a) butir-butir mengenai hal-keadaan yang mengengainya peniaga itu dikatakan telah tidak memperakaunkan itu;
- (b) butir-butir mengenai wang dan urusan berdagang kontrak-kontrak hadapan yang mengengainya hal tidak memperakaunkan itu telah berlaku; dan
- (c) apa-apa butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(3) Pernyataan-pernyataan di dalam sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah ditentusahkan dengan suatu akuan berkanun yang dibuat oleh pemohon dan hendaklah, jika dibuat dengan suci hati dan tanpa niat jahat, diistimewakan.

(4) Pesuruhjaya tidaklah boleh melantik seorang juruaudit di bawah subseksyen (1) melainkan jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pemohon ada sebab yang baik bagi membuat permohonan itu; dan

(b) adalah untuk kepentingan peniaga, pemohon atau orang awam amnya supaya buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod peniaga itu diperiksa, diaudit dan laporan dibuat mengenainya.

(5) Jika Pesuruhjaya berpendapat bahawa kesemua atau apa-apa bahagian daripada kos dan perbelanjaan seorang juruaudit yang dilantik olehnya di bawah subseksyen (1) patut ditanggung oleh peniaga atau pemohon itu, Pesuruhjaya boleh, melalui perintah bertulis, mengarahkan peniaga atau pemohon itu membayar suatu amaun tertentu, iaitu amaun bagi kesemua atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam tempoh dan mengikut cara yang ditentukan.

(6) Jika seorang peniaga atau pemohon tidak mematuhi sesuatu perintah di bawah subseksyen (5), amaun yang ditentukan dalam perintah itu boleh dituntut dan didapatkan kembali oleh Pesuruhjaya sebagai hutang dalam sesuatu mahkamah.

Juruaudit hendaklah membuat laporan kepada Pesuruhjaya.

61. Seseorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen 59 atau 60 hendaklah, apabila tamat pemeriksaan dan pengauditan yang berkenaan dengannya dia dilantik itu, membuat suatu laporan mengenainya kepada Pesuruhjaya.

Kuasa bagi juruaudit yang dilantik oleh Pesuruhjaya.

62. (1) Seseorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen 59 atau 60 untuk memeriksa dan mengaudit buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod seorang peniaga boleh bagi maksud menjalankan pemeriksaan dan pengauditan itu—

(a) memeriksa atas sumpah peniaga itu dan, jika peniaga itu adalah suatu perbadanan atau firma, mana-mana pengarah perbadanan atau pekongsi firma itu, mengikut mana yang berkenaan, dan mana-mana pekerja dan ejen peniaga itu dan mana-mana juruaudit lain yang dilantik di bawah Akta ini berhubungan dengan buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod itu;

(b) menghendaki peniaga itu dan, jika peniaga itu adalah suatu perbadanan atau firma, mana-mana pengarah perbadanan atau pekongsi

peniaga, pemohon
upaya buku-buku,
d peniaga itu di-
dibuat mengenai-

bahawa kesemua
dan perbelanjaan
ehnya di bawah
leh peniaga atau
melalui perintah
u pemohon itu
aitu amaun bagi
i kos dan per-
ngikut cara yang

pemohon tidak
i subseksyen (5),
ah itu boleh di-
leh Pesuruhjaya
mah.

antik di bawah
tamat pemerik-
i dengannya dia
n mengenainya

antik di bawah
dan mengaudit
-rekod seorang
an pemeriksaan

ya itu dan, jika
rbadanan atau
erbadanan atau
nana yang ber-
erja dan ejen
juruaudit lain
ii berhubungan
in dan rekod-

ika peniaga itu
firma, mana-
atau pekongsi

firma itu, mengikut mana yang berkenaan,
dan pekerja-pekerja serta ejen-ejen peniaga itu,
supaya mengemukakan apa-apa buku, akaun
dan rekod yang dipegang oleh atau bagi pihak
peniaga itu berhubungan dengan urusannya;

- (c) menghendaki seseorang juruaudit yang di-
lantik oleh peniaga supaya mengemukakan
apa-apa buku, akaun dan rekod yang dipegang
olehnya berhubungan dengan urusan peniaga
itu;
- (d) menghendaki pusat penjelasan supaya menge-
mukakan apa-apa buku, akaun dan rekod
yang disimpan olehnya berhubungan dengan
urusan peniaga itu;
- (e) menghendaki pusat penjelasan supaya memberi
apa-apa maklumat dalam miliknya berhubung-
an dengan urusan peniaga itu;
- (f) mengambil kerja orang-orang yang difikirkan-
nya perlu untuk membantunya menjalankan
pemeriksaan dan pengauditan itu; dan
- (g) melalui suratcara bertulis di bawah tanda-
tangannya, membenarkan seseorang yang di-
ambil kerja olehnya melakukan, berhubungan
dengan pemeriksaan dan pengauditan itu, apa-
apa perbuatan atau perkara yang boleh dilaku-
kannya sendiri sebagai seorang juruaudit,
kecuali untuk memeriksa seseorang atas
sumpah, di bawah subseksyen ini.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa sebab yang
munasabah, menolak atau tidak menjawab apa-apa
soalan yang dikemukakan kepadanya, atau yang tidak
mematuhi apa-apa permintaan yang dibuat kepadanya,
oleh seorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen
59 atau 60 atau orang yang diberi kebenaran di bawah
perenggan (g) subseksyen (1) adalah melakukan suatu
kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan
denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara
selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-
duanya.

(3) Jika pusat penjelasan, tanpa sebab yang muna-
sabah, tidak mematuhi mana-mana permintaan yang
dibuat kepadanya oleh seorang juruaudit yang dilantik

di bawah seksyen 59 atau 60 atau orang yang diberi kebenaran di bawah perenggan (g) subseksyen (1), pusat penjelasan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.

Kesalahan membinasa, mengubah, dll. rekod-rekod,

63. (1) Mana-mana orang yang, dengan niat hendak mencegah, melambatkan atau menghalang perjalanan sesuatu pemeriksaan dan pengauditan di bawah Bahagian ini—

(a) membinasakan, menyembunyikan atau mengubah sesuatu buku, akaun atau rekod berhubungan dengan urusan seseorang peniaga; atau

(b) menghantar, atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menghantar, ke luar Malaysia sesuatu buku, akaun atau rekod seperti itu, atau apa-apa jenis harta kepunyaan atau dalam milik atau di bawah kawalan seseorang peniaga,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika, dalam pendakwaan atas sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1), dibuktikan bahawa orang yang dipertuduh itu—

(a) telah membinasakan, menyembunyikan atau mengubah sesuatu buku, akaun atau rekod yang disebutkan dalam perenggan (a) subseksyen itu; atau

(b) telah menghantar, atau berkomplot untuk menghantar, ke luar Malaysia sesuatu buku, akaun atau rekod seperti itu, atau apa-apa harta yang disebutkan dalam perenggan (b) subseksyen itu,

maka beban bagi membuktikan bahawa dengan berbuat sedemikian itu dia tidak bertindak dengan niat hendak mencegah, melambatkan atau menghalang perjalanan sesuatu pemeriksaan dan pengauditan di bawah Bahagian ini adalah terletak pada dirinya.

64. Kecuali sebagaimana yang perlu bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini atau setakat mana yang dikehendaki bagi maksud-maksud sesuatu prosiding undang-undang, sama ada sivil atau jenayah, seseorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen 59 atau 60 atau seseorang pekerja bagi juruaudit itu tidak boleh memberitahu apa-apa maklumat yang mungkin sampai kepada pengetahuannya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai juruaudit atau pekerja itu, mengikut mana yang berkenaan, kepada mana-mana orang lain daripada—

- (a) Menteri atau mana-mana orang yang diluluskan atau ditetapkan oleh Menteri;
- (b) Pesuruhjaya; dan
- (c) dalam hal seseorang pekerja, juruaudit yang mengambil kerja pekerja itu.

65. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh menahan syarikat bursa atau Pesuruhjaya daripada mengenakan ke atas peniaga-peniaga apa-apa obligasi atau kehendak lanjutan yang difikirkan perlu oleh syarikat bursa atau Pesuruhjaya itu berkenaan dengan—

- (a) pengauditan akaun-akaun;
- (b) maklumat yang hendak diberi dalam laporan oleh juruaudit-juruaudit; atau
- (c) penyimpanan apa-apa buku, akaun dan rekod.

BAHAGIAN VIII

AMALAN-AMALAN DAGANGAN

66. (1) Suruhanjaya boleh, selepas berunding dengan syarikat bursa, melalui pemberitahuan yang disiarkan di dalam *Warta* menubuhkan dan menetapkan had-had tentang banyaknya perdagangan yang boleh dijalankan, atau kedudukan-kedudukan yang boleh dipegang, oleh mana-mana orang di bawah kontrak hadapan mengenai sesuatu komoditi tertentu di dalam, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah, pasaran komoditi yang berkaitan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh ditafsirkan sebagai melarang Suruhanjaya daripada menetapkan had-had dagangan atau kedudukan yang

Sekatan ke atas hak juruaudit dan pekerja untuk memberitahu perkara-perkara tertentu.

Syarikat bursa boleh mengenakan liabiliti lanjut ke atas anggota-anggota.

Menetapkan had-had dagangan dan kedudukan.

berlainan bagi komoditi-komoditi, pasaran-pasaran komoditi atau bulan serahan tertentu yang berlainan atau daripada mengecualikan transaksi-transaksi tertentu yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

Adalah menjadi kesalahan melebihi had-had.

67. Jika di bawah seksyen 66 Suruhanjaya telah menetapkan sesuatu had, tiada seorangpun boleh—

(a) secara langsung atau secara tak langsung, membeli atau menjual atau bersetuju untuk membeli atau menjual, di bawah kontrak hadapan bagi komoditi tertentu itu di dalam, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah, pasaran komoditi yang pemberitahuan itu terpakai baginya, seberapa banyak komoditi tertentu itu dalam mana-mana satu hari urusan yang melebihi apa-apa had dagangan yang ditetapkan bagi satu hari urusan atau lain-lain tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya; atau

(b) secara langsung atau secara tak langsung, memegang atau mengawal suatu kedudukan jangkanaik bersih atau jangkaturun bersih dalam komoditi tertentu itu untuk serahan hadapan di dalam, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah, pasaran komoditi yang berkaitan itu melebihi apa-apa had kedudukan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya untuk atau berkenaan dengan komoditi tertentu itu.

Paras kedudukan yang boleh dilapor.

68. (1) Suruhanjaya boleh melalui pemberitahuan yang sama yang dirujukkan di dalam seksyen 66 atau sebaliknya mengadakan dan menetapkan bagi setiap komoditi suatu paras yang boleh dilapor berkenaan dengan kedudukan perniagaan seseorang dalam sesuatu pasaran komoditi.

(2) Apabila kedudukan agregat perdagangan seseorang berkenaan dengan mana-mana komoditi itu menyamai atau melebihi paras yang boleh dilapor yang ditetapkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1), orang tersebut hendaklah pada setiap hari yang paras tersebut adalah sama atau melebihi memfailkan atau menyebabkan supaya difailkan kepada Pesuruhjaya satu laporan kedudukan itu, di atas borang-borang sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(3) Setiap peniaga hendaklah pada setiap hari yang mana-mana akaun yang dikendalikan olehnya mengenai mana-mana orang, adalah menyamai atau melebihi paras yang ditetapkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1), memfailkan atau menyebabkan supaya difailkan kepada Pesuruhjaya satu laporan kedudukan di dalam akaun itu, di atas borang-borang sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), jika mana-mana orang memegang atau mempunyai kepentingan kewangan di dalam atau mengawal lebih daripada satu akaun, kesemua akaun itu hendaklah dianggap sebagai akaun tunggal.

69. Tiada seorangpun boleh menjalankan transaksi di dalam atau menerusi sesuatu pasaran komoditi, atau mengemukakan dirinya sebagai bersedia untuk menjalankan transaksi di dalam atau menerusi sesuatu pasaran komoditi, apa-apa urusan niaga yang memberi kepada mana-mana orang suatu opsyen untuk membeli atau menjual sesuatu komoditi, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah pasaran komoditi itu.

Berniaga
opsyen di-
larangkan.

70. (1) Tiada seorangpun boleh dengan bersengaja mewujudkan atau menyebabkan supaya diwujudkan, atau melakukan apa-apa jua perkara dengan tujuan hendak mewujudkan suatu rupa yang palsu atau mengelirukan yang orang itu adalah berdagang dengan giat dalam sesuatu komoditi di dalam sesuatu pasaran komoditi.

Perdaga-
ngan,
pembro-
keran liar,
dsb. secara
palsu.

(2) Tiada seorangpun peniaga boleh dengan disedarinya melaksanakan, atau mengemukakan dirinya sebagai telah melaksanakan, sesuatu pesanan untuk membeli atau menjual suatu komoditi dalam pasaran hadapan, tanpa menyempurnakan suatu pembelian atau penjualan *bona fide* akan komoditi itu untuk tarikh serahan tertentu di dalam pasaran itu.

(3) Tiada seorangpun boleh mengedar, menyebar, atau membenarkan, atau bersangkutan-paut dalam, pengedaran atau penyebaran, apa-apa pernyataan atau maklumat yang bermaksud bahawa harga mana-mana kontrak hadapan itu akan atau mungkin naik atau

turun oleh sebab operasi pasaran seseorang atau beberapa orang yang, pada pengetahuannya, dijalankan dengan melanggar subseksyen (1).

Penjualan rekaan palsu dan transaksi serupa itu dilarang.

71. Tidak seorangpun boleh membuat, menawar untuk membuat atau mengesahkan pelaksanaan apa-apa transaksi yang melibatkan mana-mana komoditi yang berunsur atau yang biasanya dikenali dalam perniagaan sebagai "penjualan rekaan palsu", "perdagangan balas", "perdagangan pakatan" atau "penjualan tipu" melainkan yang dibenarkan dalam kaedah-kaedah mana-mana pasaran komoditi.

Manipulasi atau borong-simpan akan menjadi kesalahan.

72. Mana-mana orang yang—

- (a) memanipulasikan atau cuba memanipulasikan harga mana-mana komoditi dalam sesuatu pasaran komoditi; atau
- (b) memborong-simpan atau cuba memborong-simpan pasaran komoditi,

adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Pesuruhjaya boleh melarang orang yang mengamalkan manipulasi daripada berniaga.

73. (1) Apabila Pesuruhjaya mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana orang sedang memanipulasikan atau cuba memanipulasikan harga apa-apa komoditi di dalam sesuatu pasaran komoditi, Pesuruhjaya boleh menyampaikan notis kepada orang itu meminta orang itu memberi sebab kenapa suatu perintah tidak boleh dibuat untuk melarangnya atau nomini-nomininya atau mana-mana badan sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan dalam mana dia ada kepentingan sama ada secara langsung atau secara tak langsung, daripada berniaga di dalam mana-mana pasaran komoditi dan mengarahkan supaya syarikat bursa itu menolak dari memberi segala keistimewaan berdagang kepada orang itu sehingga diberitahu selanjutnya oleh Pesuruhjaya dan memberi sebab kenapa pendaftaran orang itu, jika didaftarkan di bawah Akta ini atas apa jua sifat, tidak patut digantung atau dibatalkan.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pesuruhanjaya di bawah subseksyen (1) boleh membuat rayuan kepada Suruhanjaya dalam tempoh sebulan setelah diberitahu akan keputusan itu dan keputusan Suruhanjaya adalah muktamad.

74. Tiada seorangpun boleh, secara langsung atau secara tak langsung, berkaitan dengan sesuatu transaksi dengan mana-mana orang lain yang melibatkan pembelian atau penjualan sesuatu kontrak hadapan—

Menggunakan alat-alat dll. secara tipuan atau mengelirukan.

- (a) menggunakan apa-apa devais, skim atau tipu helah untuk memfraud orang yang satu lagi itu; atau
- (b) mengambil bahagian dalam apa-apa tindakan, amalan atau perjalanan urusan yang diusahakan sebagai suatu cara memfraud atau memperdaya atau mungkin diusahakan sebagai suatu cara memfraud atau memperdaya orang yang satu lagi itu.

75. Tiada seorangpun boleh, secara langsung atau secara tak langsung, bagi maksud-maksud mendorong pembelian atau penjualan sesuatu kontrak hadapan, membuat—

Pernyataan yang palsu atau mengelirukan.

- (a) apa-apa pernyataan yang mana, pada masa dan memandangkan kepada hal-keadaan dalam mana pernyataan itu dibuat, adalah palsu atau mengelirukan berkenaan dengan sesuatu fakta material dan yang dia tahu atau ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai sebagai palsu atau mengelirukan; atau
- (b) apa-apa pernyataan yang mana, oleh sebab ketinggalan sesuatu fakta material, adalah dikira palsu atau mengelirukan dan yang dia tahu atau ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai sebagai dikira palsu atau mengelirukan oleh sebab tertinggalnya fakta itu.

76. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4), mana-mana peniaga atau wakil peniaga yang membuat atau menawarkan untuk membuat kontrak hadapan, sama ada bagi pihaknya sendiri atau selainnya, dengan dua atau lebih individu, atau dengan seorang individu yang mengetahui atau mempunyai sebab bagi mempercayai

Perdagangan sindiket.

bahawa individu itu bertindak bagi pihak atau bagi faedah dua atau lebih individu, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), mana-mana orang yang—

(a) mempelawa atau menawar untuk mengaturkan mana-mana individu supaya mengambil bahagian di dalam kontrak hadapan dalam mana dua atau lebih individu lain juga mengambil bahagian atau berkemungkinan mengambil bahagian; atau

(b) mempelawa atau menawar untuk mengaturkan mana-mana individu supaya membuat kontrak hadapan mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa individu itu akan berbuat demikian bagi pihak atau bagi faedah dua atau lebih individu lain,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) dan (2)—

(a) seorang individu yang membuat kontrak hadapan bertindak bagi faedah setiap individu yang berkongsi keuntungan atau kerugian atas kontrak; dan

(b) seorang individu mengambil bahagian di dalam kontrak hadapan jika dia berkongsi keuntungan atau kerugian atas kontrak.

(4) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan di dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau kontrak atau kelas atau perihal orang atau kontrak dari subseksyen (1) dan (2).

Peniaga-peniaga membuka buku-buku, dll. untuk pemeriksaan.

77. Untuk maksud Bahagian ini, setiap peniaga hendaklah membuka pada setiap masa untuk diperiksa oleh Pesuruhjaya atau oleh mana-mana orang yang diberikuasa olehnya, buku-buku dan rekod-rekod segala transaksi dan kedudukan dalam mana-mana komoditi yang didagangkan, dan inventori-inventori

serta tanggungan pembelian dan penjualan komoditi itu dan buku-buku serta rekod-rekod itu hendaklah menunjukkan butir-butir lengkap mengenai segala transaksi, kedudukan, inventori dan tanggungan itu termasuk nama dan alamat semua orang yang ada apa-apa kepentingan di dalamnya.

78. (1) Mana-mana orang yang melanggar seksyen 67, 68 atau 69 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Kesalahan-kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen 70, 71, 74, 75 atau 77 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

BAHAGIAN IX

KUMPULAN WANG PAMPASAN

79. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“anggota” ertinya seorang anggota syarikat bursa;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Penjalanan Perniagaan yang ditubuh di bawah kaedah-kaedah syarikat bursa;

“kemungkinan”, selain dari tafsiran yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2, termasuklah kemungkinan yang berbangkit dari kebangkrapan atau penggulangan, mengikut mana yang berkenaan, berhubungan dengan urusan perdagangan kontrak hadapan komoditi peniaga;

“pihak menuntut” termasuklah, sekiranya dia mati, tak solven atau lain-lain ketidakupayaan, wakil dirinya atau mana-mana orang lain yang mempunyai kuasa untuk mentadbirkan pusakanya.

80. Syarikat bursa hendaklah menubuh dan menyenggara suatu kumpulan wang pampasan, dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pampasan”, bagi maksud-maksud yang diterangkan dalam Bahagian ini. Penubuhan Kumpulan Wang Pampasan.

Pentad-
biran
Kumpulan
Wang
Pampasan.

81. (1) Kumpulan Wang Pampasan hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa itu mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

(2) Jawatankuasa itu hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengurusan dan hendaklah menjalankan bagi pihak Lembaga Pengurusan apa-apa kuasa, tugas dan fungsi Lembaga Pengurusan di bawah Bahagian ini sebagaimana yang diwakilkan kepada Jawatankuasa itu oleh Lembaga Pengurusan.

(3) Tertakluk kepada apa-apa arahan Lembaga Pengurusan, Jawatankuasa itu boleh mengawalselia prosedurnya mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Wang yang
menjadi
Kumpulan
Wang
Pampasan.

82. (1) Kumpulan Wang Pampasan hendaklah mengandungi—

- (a) semua amaun yang dibayar kepada atau dikumpulkan oleh syarikat bursa mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini;
- (b) semua amaun yang didapatkan kembali oleh atau bagi pihak syarikat bursa dengan menjalankan apa-apa hak bertindak yang diberi oleh Bahagian ini;
- (c) semua amaun yang dipinjam di bawah subseksyen (2);
- (d) apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan yang dibuat menurut seksyen 87;
- (e) semua amaun lain yang dibayar dengan sah-nya ke dalam Kumpulan Wang Pampasan.

(2) Syarikat bursa boleh meminjam bagi maksud-maksud Kumpulan Wang Pampasan daripada mana-mana pemberi pinjaman dan boleh menggadaikan apa-apa pelaburan yang diperolehi di bawah seksyen 87 sebagai sekuriti untuk sesuatu pinjaman itu tetapi agregat jumlah wang yang terhutang pada mana-mana satu masa mengenai pinjaman itu tidaklah boleh melebihi lima ratus ribu ringgit.

83. Syarikat bursa hendaklah membuka di satu atau lebih bank berlesen satu atau beberapa akaun bank berasingan dan hendaklah, sementara menanti akaun-akaun itu digunakan mengikut Bahagian ini, membayar ke dalam atau memindahkan kepada akaun atau akaun-akaun bank itu semua amaun yang menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Pampasan itu.

Wang hendaklah disimpan dalam akaun bank.

84. (1) Syarikat bursa hendaklah menyimpan akaun-akaun yang patut mengenai Kumpulan Wang Pampasan bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan menyediakan suatu akaun hasil dan perbelanjaan dan kunci kira-kira yang disediakan hingga hari terakhir bagi tahun kewangan itu.

Akaun Kumpulan Wang Pampasan.

(2) Syarikat bursa hendaklah melantik seorang juruaudit untuk mengaudit Kumpulan Wang Pampasan.

(3) Juruaudit yang dilantik sedemikian itu hendaklah mengaudit akaun Kumpulan Wang Pampasan itu pada tiap-tiap tahun dan hendaklah mengaudit dan menyediakan suatu laporan juruaudit mengenai tiap-tiap satu akaun hasil dan perbelanjaan dan kunci kira-kira yang disediakan di bawah subseksyen (1) dan hendaklah mengemukakan laporan itu kepada syarikat bursa.

(4) Syarikat bursa hendaklah, tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan, menyebabkan satu salinan akaun hasil dan perbelanjaan serta kunci kira-kira yang telah diaudit itu dihantar kepada Suruhanjaya bersama-sama dengan laporan juruaudit itu.

85. (1) Tiap-tiap anggota hendaklah, apabila diterima menjadi anggota syarikat bursa, membayar kepada syarikat bursa bagi maksud Kumpulan Wang Pampasan, suatu amaun sebanyak tiga puluh ribu ringgit atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan oleh syarikat bursa setelah diluluskannya oleh Suruhanjaya.

Anggota-anggota membuat caruman.

(2) Pembayaran yang diperlukan di bawah subseksyen (1) hendaklah dalam wang tunai dan tidak boleh dikembalikan.

(3) Apa-apa amaun yang kena dibayar oleh anggota-anggota syarikat bursa di bawah seksyen ini boleh dituntut dan didapatkan kembali oleh syarikat bursa sebagai hutang dalam sesuatu mahkamah.

Sumber-sumber tambahan Kumpulan Wang Pampasan.

86. (1) Bagi maksud menambahkan sumber-sumber Kumpulan Wang Pampasan, Lembaga Pengurusan hendaklah menubuhkan mengikut kaedah-kaedah syarikat bursa, suatu sistem levi ke atas perdagangan yang dijalankan dalam sesuatu pasaran komoditi.

(2) Kaedah-kaedah tersebut hendaklah menetapkan jenis, amaun dan kadar levi dan cara pengutipan levi, dengan syarat bahawa penetapan kadar atau apa-apa pengubahannya hendaklah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(3) Kaedah-kaedah itu boleh memperuntukkan pengecualian levi tersebut atau mana-mana bahagiannya mengenai apa-apa komoditi atau mana-mana anggota atau kelas anggota.

(4) Levi itu atau mana-mana bahagiannya boleh dengan kelulusan Suruhanjaya, diubah, digantung atau dibatalkan melalui perintah yang dibuat dan disiarkan oleh Lembaga Pengurusan.

Pelaburan wang dalam Kumpulan Wang Pampasan.

87. Syarikat bursa boleh melaburkan apa-apa wang yang menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Pampasan dan yang tidak dikehendaki dengan segera bagi apa-apa maksud lain yang diperuntukkan oleh Bahagian ini—

(a) sebagai simpanan tetap dengan suatu bank berlesen; atau

(b) dalam sekuriti-sekuriti di mana pemegang-pemegang amanah dibenarkan oleh undang-undang melaburkan kumpulan wang amanah.

Lembaga Pengurusan boleh memperkenalkan sistem lain membiayai Kumpulan Wang Pampasan.

88. Lembaga Pengurusan boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, melalui kaedah-kaedah—

(a) memperkenalkan apa-apa cara lain bagi membiayai Kumpulan Wang Pampasan sama ada untuk menggantikan atau sebagai tambahan kepada sumber-sumber yang dirujuk dalam seksyen 86; atau

- (b) menubuhkan sebagai ganti Kumpulan Wang Pampasan, apa-apa sistem lain untuk memberikan pampasan yang dikehendaki di bawah Bahagian ini.

89. Tertakluk kepada Bahagian ini, maka hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Pampasan sebagaimana dikehendaki dan mengikut susunan yang berikut—

Pemba-
yaran
daripada
Kumpulan
Wang
Pampasan.

- (a) semua perbelanjaan di sisi undang-undang dan lain-lain perbelanjaan yang dilakukan semasa menyasat atau membela tuntutan-tuntutan yang dibuat di bawah Bahagian ini, atau yang dilakukan berhubungan dengan Kumpulan Wang Pampasan itu atau semasa syarikat bursa itu menggunakan hak-hak, menjalankan kuasa-kuasa dan kewibawaan yang diletakkan kepadanya oleh Bahagian ini berhubungan dengan Kumpulan Wang Pampasan;
- (b) perbelanjaan yang dilakukan dalam mentadbirkan Kumpulan Wang Pampasan;
- (c) amaun semua tuntutan, termasuk kos, yang dibenarkan oleh syarikat bursa atau dibuktikan terhadap syarikat bursa di bawah Bahagian ini; dan
- (d) semua amaun lain yang kena dibayar daripada Kumpulan Wang Pampasan mengikut Bahagian ini.

90. (1) Jika seseorang menanggung kerugian wang oleh kerana kemungkiran yang dilakukan semasa menjalankan atau berkaitan dengan perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi dalam sesuatu pasaran komoditi oleh seseorang anggota atau oleh mana-mana pengarah, pekongsi atau pekerja, mengikut mana yang berkenaan, bagi anggota itu mengenai apa-apa wang, kontrak hadapan atau lain-lain harta—

Tuntutan-
tuntutan
terhadap
Kumpulan
Wang
Pampasan.

- (a) yang telah diamanahkan kepada atau diterima oleh anggota itu atau mana-mana pengarah, pekongsi atau pekerja bagi anggota itu untuk atau bagi pihak orang itu; dan

(b) yang orang itu berhak atau yang dia ada mempunyai kepentingan benefisial sama ada sedia ada atau luarjangka,

dia adalah berhak, tertakluk kepada Bahagian ini, menuntut pampasan daripada Kumpulan Wang Pampasan kerana kerugian wang itu.

(2) Subseksyen (1) tidak memberi hak kepada mana-mana anggota untuk membuat suatu tuntutan terhadap Kumpulan Wang Pampasan itu.

(3) Syarikat bursa tidaklah diwajibkan menimbang dan menentukan sesuatu tuntutan terhadap Kumpulan Wang Pampasan melainkan orang yang membuat tuntutan itu telah meyakinkan syarikat bursa bahawa dia telah menjalankan segala usaha (selain daripada tindakan mahkamah) untuk mendapatkan kembali kerugiannya daripada anggota yang ada hubungan dengan berbangkitnya tuntutan itu atau daripada mana-mana orang lain yang bertanggungjawab ke atas kerugian itu.

(4) Tertakluk kepada Bahagian ini, amaun pampasan yang seseorang berhak menuntut daripada Kumpulan Wang Pampasan ialah amaun kerugian wang yang sebenar ditanggung olehnya, termasuk kos yang berpatutan bagi, dan pembelanjaan yang bersampingan dengan membuat dan membuktikan tuntutannya, dengan ditolak apa-apa amaun atau nilai wang atau lain-lain faedah yang diterima atau belum diterima olehnya bagi mengurangkan kerugian itu daripada mana-mana sumber yang lain daripada Kumpulan Wang Pampasan.

(5) Sebagai tambahan kepada apa-apa pampasan yang kena dibayar di bawah Bahagian ini, bunga hendaklah kena dibayar daripada Kumpulan Wang Pampasan atas amaun pampasan itu, dengan ditolak apa-apa amaun yang dikaitkan dengan kos dan pembelanjaan, mengikut apa-apa kadar yang ditentukan oleh syarikat bursa, yang hendaklah dikira dari hari kemungkiran itu telah dilakukan atau dipercayai telah dilakukan dan seterusnya sehingga hari tuntutan itu dijelaskan.

91. Amaun yang boleh dibayar kepada seseorang, dan amaun atau agregat amaun yang boleh dibayar dalam hal mana-mana seorang anggota sebagai pampasan di bawah subseksyen (1) seksyen 93, hendaklah terhadap kepada amaun yang dinyatakan di dalam kaedah-kaedah syarikat bursa.

Had-had pampasan.

92. (1) Syarikat bursa boleh menyebabkan supaya disiarkan suatu notis menyatakan suatu tarikh, yang tidak lebih awal daripada tiga bulan selepas tersiarnya notis itu, dalam mana tuntutan untuk pampasan daripada Kumpulan Wang Pampasan boleh dibuat pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan itu berhubungan dengan orang yang dinyatakan dalam notis itu.

Notis memanggil tuntutan terhadap Kumpulan Wang Pampasan.

(2) Jika seseorang hendak menuntut pampasan di bawah Bahagian ini, dia hendaklah membuat tuntutannya secara bertulis kepada syarikat bursa—

(a) sekiranya suatu notis di bawah subseksyen (1) telah disiarkan, pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam notis itu; atau

(b) sekiranya tiada notis seperti itu telah disiarkan, dalam tempoh tiga bulan setelah pihak menuntut itu mendapat tahu mengenai kemungkiran itu yang menyebabkan tuntutan itu dibuat, tetapi bagaimanapun tidak boleh melebihi dua belas bulan daripada tarikh kemungkiran itu.

(3) Sesuatu tuntutan yang tidak dibuat dalam masa yang dihadkan oleh subseksyen (2) hendaklah dihalang, melainkan jika syarikat bursa menentukan selainnya.

(4) Sesuatu tindakan untuk gantirugi tidak boleh diambil terhadap syarikat bursa atau terhadap mana-mana anggota Lembaga Pengurusan oleh sebab sesuatu notis yang disiarkan bagi maksud-maksud seksyen ini dengan suci hati dan tanpa niat jahat.

93. (1) Jika syarikat bursa berpuas hati bahawa sesuatu tuntutan untuk pampasan di bawah Bahagian ini adalah suatu tuntutan yang patut, syarikat bursa itu hendaklah, tertakluk kepada Bahagian ini, membuat suatu penentuan membenarkan tuntutan itu.

Kuasa syarikat bursa mengenai tuntutan.

(2) Jika syarikat bursa tidak berpuas hati tentang kepatutan sesuatu tuntutan untuk pampasan di bawah Bahagian ini, syarikat bursa itu hendaklah membuat suatu penentuan menolak tuntutan itu atau, jika syarikat bursa itu berpuas hati tentang kepatutan sebahagiannya daripada tuntutan itu, syarikat bursa itu hendaklah membuat suatu penentuan membenarkan tuntutan terhadap bahagian itu sahaja.

(3) Jika syarikat bursa membuat suatu penentuan di bawah subseksyen (1) atau (2), syarikat bursa itu hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu notis bertulis tentang penentuannya kepada pihak menuntut atau kepada peguamnya dan menyerahkan satu salinan notis itu kepada Suruhanjaya.

(4) Jika syarikat bursa menolak, atau membenarkan sebahagian sahaja daripada, sesuatu tuntutan di bawah subseksyen (2), penentuan syarikat bursa itu hendaklah menyatakan sebab-sebabnya menolak atau membenarkan sebahagiannya sahaja tuntutan itu, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Walaupun syarikat bursa telah membuat penentuan membenarkan suatu tuntutan atau sebahagian daripada suatu tuntutan di bawah seksyen ini mengenai kemungkiran yang dilakukan oleh mana-mana anggota, pembayaran amaun yang dibenarkan daripada Kumpulan Wang Pampasan kepada pihak menuntut tidaklah boleh dibuat sehingga selepas habis tempoh yang dibenarkan untuk membuat rayuan di bawah seksyen 95 dan apabila sesuatu rayuan dibuat kepada Suruhanjaya mengikut seksyen 95 oleh mana-mana orang terhadap apa-apa jua penentuan oleh syarikat bursa itu, pembayaran itu hendaklah ditangguhkan sehingga selepas penentuan rayuan itu.

Syarikat
bursa
boleh
meng-
hendaki
dokumen,
dll. dike-
mukakan.

94. (1) Syarikat bursa boleh menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa kontrak hadapan, dokumen atau pernyataan keterangan yang perlu—

(a) untuk menyokong sesuatu tuntutan untuk pampasan di bawah Bahagian ini;

(b) bagi maksud menggunakan hak-haknya terhadap mana-mana anggota atau terhadap mana-mana orang lain; atau

(c) bagi maksud membolehkan prosiding jenayah dibawa terhadap mana-mana orang berkenaan dengan kemungkiran yang menjadi suatu kesalahan jenayah atau yang melibatkan berlakunya sesuatu kesalahan jenayah itu.

(2) Jika mana-mana pihak menuntut yang dikehendaki supaya mengemukakan sesuatu kontrak hadapan, dokumen atau pernyataan keterangan di bawah subseksyen (1) tidak mengemukakannya, maka syarikat bursa itu boleh, jika berpuas hati bahawa kontrak hadapan, dokumen atau pernyataan keterangan ada dalam milik pihak menuntut itu atau diadakan kepadanya, enggan membenarkan tuntutan pihak menuntut itu sehingga suatu masa apabila dia mengemukakannya mengikut kaedah-kaedah syarikat bursa itu.

95. Mana-mana orang yang terkilan dengan penentuan yang dibuat oleh syarikat bursa di bawah seksyen 93 boleh, dalam masa sebulan selepas diberitahu kepadanya mengenai penentuan itu, membuat rayuan kepada Suruhanjaya yang keputusannya adalah muktamad.

Hak membuat rayuan terhadap penentuan syarikat bursa.

96. Apabila syarikat bursa membuat apa-apa bayaran daripada Kumpulan Wang Pampasan mengenai sesuatu tuntutan untuk pampasan di bawah Bahagian ini—

Mensubrogasi syarikat bursa mengenai hak-hak, dll. pihak menuntut apabila pembayaran dibuat daripada Kumpulan Wang Pampasan.

(a) syarikat bursa itu hendaklah disubrogasi setakat pembayaran itu mengenai semua hak dan remedi pihak menuntut berkenaan dengan kerugian wang yang ditanggung oleh sebab kemungkiran yang menjadi asas tuntutan itu; dan

(b) pihak menuntut tidak mempunyai apa-apa hak di bawah sesuatu prosiding kebangkrapan atau prosiding undang-undang atau selainnya berkenaan dengan kerugian wang itu untuk menerima apa-apa wang daripada aset anggota yang berkenaan itu, atau jika kerugian wang itu telah disebabkan oleh kemungkiran di pihak seseorang pengarah, pekongsi atau pekerja, sehingga syarikat bursa itu telah dibayarganti amaun sepenuhnya pembayaran dibuat olehnya daripada Kumpulan Wang Pampasan.

Pemba-
yaran
tuntutan
hanya dari
Kumpulan
Wang
Pampasan.

Peruntukan
jika
Kumpulan
Wang
Pampasan
tidak cukup
untuk
membayar
tuntutan.

97. Tiada apa-apa wang atau lain-lain harta kepunyaan syarikat bursa itu, lain daripada Kumpulan Wang Pampasan, boleh diadakan untuk membayar sesuatu tuntutan untuk pampasan di bawah Bahagian ini.

98. (1) Jika amaun dalam kredit Kumpulan Wang Pampasan tidak cukup untuk membolehkan dibayar kesemua amaun tuntutan-tuntutan terhadapnya iaitu tuntutan-tuntutan yang telah dibenarkan, di bawah Bahagian ini maka amaun dalam kredit itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), dibahagi antara pihak-pihak menuntut itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan saksama oleh syarikat bursa; dan mana-mana tuntutan itu hendaklah, setakat yang masih belum dibayar, dipertanggungjawabkan kepada wang-wang yang akan diterima seterusnya oleh Kumpulan Wang Pampasan itu dan dibayar daripada Kumpulan Wang Pampasan apabila wang ada di dalam Kumpulan Wang Pampasan.

(2) Jika agregat bagi semua tuntutan untuk pampasan yang telah dibenarkan di bawah Bahagian ini mengenai kemungkiran yang menimbulkan tuntutan-tuntutan itu melebihi jumlah amaun yang boleh dibayar di bawah Bahagian ini mengenai mana-mana anggota yang bersangkutan-paut dalam kemungkiran itu, maka jumlah amaun itu hendaklah dibahagi antara pihak-pihak menuntut itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan saksama oleh syarikat bursa; dan apabila jumlah amaun itu dibayar daripada Kumpulan Wang Pampasan mengikut pembahagian itu—

(a) semua tuntutan itu; dan

(b) semua tuntutan lain untuk pampasan yang mungkin timbul atau dibuat kemudian dari itu berkenaan dengan kemungkiran itu,

adalah selesai dengan mutlaknya.

Wang dalam
Kumpulan
Wang
Pampasan
semasa
peng-
gulungan
syarikat
bursa.

99. Sekiranya syarikat bursa sedang digulung di bawah Akta Syarikat 1965 syarikat bursa itu hendaklah, setelah menjelaskan segala liabiliti yang belum selesai daripada Kumpulan Wang Pampasan, mengadakan kepada likuidator syarikat bursa itu baki amaun yang ada dalam Kumpulan Wang Pampasan yang menjadi sebahagian daripada aset syarikat bursa dan diadakan kepada likuidator untuk dibahagi-bahagikan mengikut Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

100. Untuk maksud-maksud Bahagian ini, "buku-buku" termasuk apa-apa daftar atau lain-lain rekod maklumat, apa-apa akaun atau rekod-rekod perakaunan, walau bagaimanapun disusun, direkod atau disimpan dan apa-apa dokumen. Tafsiran.

101. Pesuruhjaya boleh, pada bila-bila masa, jika dia berpendapat ada sebab yang cukup untuk berbuat demikian, memberi arahan bertulis kepada orang berdaftar memintanya supaya mengemukakan kepada Pesuruhjaya atau kepada mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pesuruhjaya, pada masa dan di tempat yang ditetapkan, apa-apa buku yang dinyatakan dalam arahan itu iaitu buku-buku berhubungan dengan— Kuasa Pesuruhjaya memerlukan orang-orang berdaftar mengemukakan buku-buku.

- (a) urusan atau hal-ehwal orang berdaftar, setakat mana buku-buku itu ada hubungan dengan perniagaan yang orang tersebut didaftarkan;
- (b) apa-apa perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi;
- (c) apa-apa nasihat mengenai perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi, atau pengeluaran atau penerbitan sesuatu laporan atau analisa mengenai perdagangan itu;
- (d) corak kedudukan kewangan orang berdaftar atau apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh orang berdaftar itu; atau
- (e) auditan atau apa-apa laporan seseorang juru-audit mengenai perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi atau apa-apa akaun atau rekod orang berdaftar itu.

102. Pesuruhjaya boleh, kiranya dia ada sebab untuk mengesyaki bahawa mana-mana orang yang bukan orang berdaftar adalah secara langsung atau secara tak langsung menjalankan perniagaan seorang orang berdaftar memberi arahan bertulis kepada orang tersebut, memintanya supaya mengemukakan kepada Pesuruhjaya atau kepada mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pesuruhjaya pada masa dan di tempat yang ditetapkan, apa-apa buku yang dinyatakan Kuasa Pesuruhjaya meminta orang-orang tidak berdaftar mengemukakan buku-buku.

harta kepunyaan
ulan Wang Pam-
yar sesuatu tun-
gian ini.

umpulan Wang
olehkan dibayar
hadapnya iaitu
kan, di bawah
t itu hendaklah,
gi antara pihak-
ara yang difikir-
nana-mana tun-
belum dibayar,
yang akan di-
g Pampasan itu
Pampasan apa-
g Pampasan.

ntuk pampasan
in ini mengenai
an-tuntutan itu
ayar di bawah
gota yang ber-
maka jumlah
a pihak-pihak
ang difikirkan
jumlah amaun
ng Pampasan

mpasan yang
udian dari itu
itu,

ung di bawah
1 hendaklah,
belum selesai
mengadakan
amaun yang
ang menjadi
lan diadakan
an mengikut

dalam arahan itu iaitu buku-buku berhubungan dengan—

- (a) urusan atau hal-ehwal orang itu setakat mana buku-buku itu ada hubungan dengan urusan perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi;
- (b) apa-apa perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi;
- (c) apa-apa nasihat mengenai perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi atau pengeluaran atau penerbitan sesuatu laporan atau analisa mengenai perdagangan itu;
- (d) corak kedudukan kewangan atau apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya.

Kuasa untuk diambil milik buku-buku, dll.

103. (1) Di mana Pesuruhjaya menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini meminta dikemukakan buku-buku—

- (a) jika buku-buku itu dikemukakan, orang yang dikemukakan buku-buku itu—
 - (i) boleh mengambil milik buku-buku itu dan membuat salinan-salinannya, atau mengambil cabutan-cabutan darinya;
 - (ii) boleh meminta orang yang satu lagi atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengumpulan buku-buku itu, supaya membuat kenyataan dengan memberi penerangan mengenai apa-apa buku itu; dan
 - (iii) boleh terus memiliki buku-buku itu untuk sepanjang masa yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya; dan
- (b) jika buku-buku itu tidak dikemukakan, Pesuruhjaya boleh meminta orang yang satu lagi itu supaya—
 - (i) menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana buku-buku itu mungkin didapati; atau
 - (ii) mengenalpasti orang yang, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, terakhir sekali menyimpan buku-buku itu dan menyatakan, sepanjang pengetahuan

dan kepercayaannya, di mana orang yang terakhir disebutkan itu mungkin berada.

(2) Sesuatu kuasa yang diberi oleh seksyen ini untuk membuat permintaan dari seseorang hendaklah, dalam hal pertubuhan perbadanan, meluas kepada pertubuhan perbadanan yang sedang digulungkan, atau yang telah dibubarkan, termasuk mana-mana orang yang menjadi atau pernah menjadi pegawai atau pekerja pertubuhan perbadanan itu.

104. (1) Bila-bila masa sahaja ternyata kepada majistret, atas maklumat bersumpah secara bertulis, dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab-sebab yang munasabah bagi mengesyaki yang di dalam premis tertentu ada terdapat buku-buku yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah seksyen 101 atau 102 dan yang tidak dikemukakan dengan mematuhi kehendak itu, majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran untuk memberi kuasa kepada Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya, dengan atau tanpa bantuan—

Menggeledah dan menyita.

(a) untuk menggeledah premis itu dan memecah buka serta menggeledah apa-apa almari, laci, peti besi, kotak, peti, bungkusan atau lain-lain bekas, sama ada lekapan atau tidak, di dalam premis itu; dan

(b) untuk mengambil milik, atau menyelamatkan dari gangguan, apa-apa buku yang nampaknya buku-buku yang hendak dikemukakan sedemikian.

(2) Bila-bila masa sahaja ternyata kepada Pesuruhjaya bahawa ada sebab-sebab yang munasabah bagi mengesyaki yang di dalam mana-mana premis ada terdapat buku-buku yang hendak dikemukakan di bawah seksyen 101 atau 102 dan yang tidak dikemukakan dengan mematuhi kehendak itu dan bahawa kelewatan atau mendapatkan suatu waran geledah di bawah subseksyen (1) boleh menyebabkan bukti tentang pelanggaran itu lenyap atau diubah, Pesuruhjaya boleh menjalankan dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu, semua kuasa yang disebut dalam

subseksyen itu dengan cara yang sepenuh dan secukupnya seolah-olah dia dibenarkan berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen itu.

(3) Suatu senarai mengenai semua barang yang disita semasa menjalankan pengeledahan yang dibuat di bawah Bahagian ini dan mengenai tempat di mana barang-barang itu masing-masing dijumpai hendaklah disediakan oleh Pesuruhjaya atau lain-lain pegawai yang membuat pengeledahan itu dan ditandatangani olehnya.

(4) Dalam seksyen ini, "premis" adalah termasuk apa-apa struktur, bangunan, pesawat udara, kenderaan, vesel atau tempat.

(5) Kuasa-kuasa yang diberi di bawah subseksyen (1) adalah sebagai tambahan kepada, dan bukan mengurangkan, apa-apa kuasa lain yang diberi oleh undang-undang.

Kesalahan-kesalahan.

105. (1) Mana-mana orang yang enggan atau tidak mematuhi kehendak yang dibuat di bawah seksyen 101, 102 atau subseksyen (1) seksyen 103, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang yang, dengan berupa mematuhi kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 103, membekalkan maklumat atau membuat suatu kenyataan yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Seseorang yang menghalang atau mengganggu Pesuruhjaya atau mana-mana orang berkuasa dalam menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen-seksyen 101, 102, 103 atau 104 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

106. (1) Jika Pesuruhjaya mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya dia boleh membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa penyiasatan sebagaimana yang difikirkannya suaimanfaat bagi pentadbiran sepatutnya Akta ini dan pada menjalankan penyiasatan itu dia hendaklah mematuhi dengan seberapa hampir yang mungkin prosedur-prosedur yang ditetapkan di bawah Kanun Prosedur Jenayah berhubungan dengan penyiasatan polis.

Kuasa untuk menyiasat.

N.M.B.
Bab 6.

(2) Bagi maksud-maksud menjalankan penyiasatan di bawah Bahagian ini, Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Suruhanjaya hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai polis.

107. (1) Jika ternyata kepada Menteri bahawa adalah menjadi kepentingan negara atau kepentingan awam untuk menjalankan penyiasatan tentang apa-apa perkara berhubungan dengan perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi, Menteri itu boleh, melalui suratcara bertulis, mengarah Pesuruhjaya untuk mengaturnya suatu penyiasatan mengenai perkara itu.

Menteri boleh mengarahkan penyiasatan.

(2) Suratcara arahan itu—

- (a) hendaklah menyatakan perkara-perkara yang hendak disiasat; dan
- (b) boleh meminta supaya penyiasatan itu dijalankan oleh Pesuruhjaya atau oleh mana-mana orang yang dilantik oleh Pesuruhjaya.

(3) Apabila Pesuruhjaya menerima suatu arahan di bawah subseksyen (1), dia hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam arahan itu dan hendaklah melaporkan kepada Menteri hasil-hasil penyiasatannya itu.

Kuasa
Pesuruh-
jaya men-
dapatkan
maklumat
mengenai
akaun-
akaun bank
peniaga-
peniaga,
dll.

108. (1) Pesuruhjaya boleh dengan terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Bank Negara, melalui notis bertulis meminta Pengurus mana-mana bank supaya memberi kepadanya maklumat mengenai akaun-akaun bank atau transaksi-transaksi bank mana-mana peniaga atau mana-mana orang yang berdagang kontrak hadapan komoditi, sekiranya Pesuruhjaya berpendapat bahawa maklumat itu mungkin mendedahkan bukti-bukti berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "akaun-akaun bank" adalah termasuk akaun-akaun yang dikendalikan oleh seorang peniaga untuk kelayan-kelayannya.

Persem-
bunyan,
dll. buku-
buku ber-
hubungan
dengan per-
dagangan.

109. Seseorang yang, dengan tujuan hendak menggagalkan maksud-maksud Akta ini atau untuk melambatkan atau menghalang perjalanan sesuatu penyiasatan di bawah Bahagian ini—

(a) menyembunyi, memusnah, merosak atau mengubah suatu buku berhubungan dengan perkara yang menjadi subjek penyiasatan; atau

(b) sekiranya sesuatu buku itu ada di Malaysia, menghantar buku itu ke luar Malaysia,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa
Pesuruh-
jaya diper-
jalankan
oleh
pegawai
Suruhan-
jaya yang
lain atau
pegawai
polis.

110. Kuasa-kuasa Pesuruhjaya di bawah Bahagian ini boleh diperjalankan oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya yang dibenarkan secara bertulis bagi maksud itu oleh Suruhanjaya dan oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI

Bantuan
kewangan.

111. Menteri boleh, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi apa-apa bantuan, kewangan atau sebaliknya, kepada syarikat bursa itu mengikut apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

112. Jika Lembaga Pengurusan mendapat tahu tentang sesuatu perkara yang menjejaskan atau mungkin menjejaskan kemampuan seseorang anggota untuk memenuhi obligasi undang-undangnya sebagai seorang peniaga, Lembaga Pengurusan hendaklah melaporkan perkara itu kepada Pesuruhjaya secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik setelah ia mendapat tahu tentang perkara itu.

Melapor-
kan perkara
tertentu
mengenai
anggota-
anggota.

113. Tiap-tiap peniaga, lain daripada seorang pengarah, pekongsi atau pekerja sesuatu perbadanan atau firma yang ditauliahkan kepada perbadanan atau firma sebagai seorang peniaga, hendaklah memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis tentang tempoh tahun kewangan bagi perbadanan atau firma itu atau apa-apa perubahan mengenainya.

Peniaga-
peniaga
memberi-
tahu
tentang
tahun
kewangan
mereka.

114. (1) Tiada seorangpun lain daripada syarikat bursa boleh—

Larangan
terhadap
penggunaan
gelaran
"bursa
komoditi".

(a) memegang atau menggunakan gelaran "bursa komoditi"; atau

(b) memegang atau menggunakan, atau ada di-tampal atau dipamerkan di sesuatu tempat, apa-apa gelaran yang menyerupai gelaran yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau hampir-hampir menyerupai gelaran itu yang dikira untuk memperdaya.

(2) Seseorang yang bukan seorang peniaga tidaklah boleh—

(a) memegang atau menggunakan gelaran atau perihal "peniaga komoditi"; atau

(b) memegang atau menggunakan, atau ada di-tampal atau dipamerkan di sesuatu tempat, apa-apa gelaran atau perihal yang menyerupai gelaran yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau hampir-hampir menyerupai gelaran itu yang dikira untuk memperdaya.

terlebih dahulu
Negara, melalui
mana-mana bank
mengenai akaun-
bank mana-mana
berdagang kontrak
jaya berpendapat
didedahkan bukti-
i bawah Akta ini.

un-akaun bank"
likendalikan oleh
nnya.

hendak meng-
atau untuk me-
penjalanan se-
ini—

osak atau meng-
dengan perkara
an; atau

da di Malaysia,
Malaysia,

apabila disabit-
ebihi dua puluh
a tempoh tidak

ah Bahagian ini
gawai Suruhan-
bagi maksud itu
a pegawai polis
Inspektor.

LBAGAI

jualan Menteri
kewangan atau
mengikut apa-
va patut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak dua ribu lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

Kontrak
nasihat
dagangan
komoditi.

115. (1) Tiada seorangpun penasihat dagangan komoditi boleh membuat, melanjutkan atau membaharui suatu kontrak nasihat dagangan komoditi dengan mana-mana kelayan atau dengan apa cara jua pun melaksanakan sesuatu kontrak seperti itu jika kontrak itu—

- (a) mengadakan peruntukan bagi saraan dibayar kepada penasihat dagangan komoditi oleh kelayan atas asas mendapat sebahagian dari laba modal akan wang itu atau mana-mana bahagian daripada wang kelayan itu;
- (b) tidak memasukkan suatu peruntukan yang bermaksud bahawa sesuatu serahhak akan kontrak itu oleh penasihat dagangan komoditi boleh dibuat hanya dengan keizinan kelayan itu;
- (c) tidak memasukkan suatu peruntukan yang bermaksud bahawa penasihat dagangan komoditi itu—
 - (i) jika suatu perbadanan, akan memberitahu kelayan tentang apa-apa perubahan mengenai pengarah-pengarah perbadanan itu; atau
 - (ii) jika suatu firma, akan memberitahu kelayan tentang apa-apa perubahan mengenai pekongsi-pekongsi firma itu,

dalam masa yang munasabah selepas perubahan itu.

(2) Perenggan (a) subseksyen (1) tidak melarang sesuatu kontrak nasihat dagangan komoditi yang mengadakan peruntukan bagi saraan berasaskan pada jumlah nilai wang kelayan yang dipuratakan meliputi sesuatu tempoh tertentu, atau pada tarikh-tarikh tertentu, atau dikira pada suatu tarikh tertentu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "kontrak nasihat dagangan komoditi" ertinya suatu kontrak atau perjanjian yang menurutnya seseorang bersetuju untuk bertindak sebagai seorang penasihat dagangan komoditi atau untuk menguruskan apa-apa dagangan komoditi atau akaun perdagangan seseorang kelayan yang bukannya suatu syarikat yang menjalankan urusan sebagai suatu syarikat dagangan komoditi dan yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Syarikat 1965.

(4) Seseorang penasihat dagangan komoditi yang dengan disedarinya membuat apa-apa kontrak dengan melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(5) Sesuatu kontrak nasihat dagangan komoditi yang dibuat dengan melanggar subseksyen (1) adalah, walau apa pun peruntukan dalam kontrak itu, boleh menjadi taksah mengikut opsyen kelayan itu.

116. (1) Jika—

(a) atas permohonan Suruhanjaya, ternyata kepada Mahkamah Tinggi bahawa seseorang telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, atau telah melanggar syarat-syarat atau sekatan-sekatan pendaftaran di bawah Akta ini, kaedah-kaedah syarikat bursa atau pusat penjelasan atau sedang hendak melakukan suatu tindakan berkenaan dengan perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi yang, sekiranya dilakukan, akan menjadi suatu kesalahan atau pelanggaran; atau

Kuasa
Mahkamah
Tinggi
membuat
perintah-
perintah
tertentu.

melanggar seksyen ini dan apabila disabitkan melebihi dua puluh sesuatu kesalahan yang banyak dua ribu lima atau kesalahan itu ber-

hat dagangan komo-
n atau membaharui
moditi dengan mana-
jua pun melaksana-
a kontrak itu—

agi saraan dibayar
an komoditi oleh
at sebahagian dari
1 atau mana-mana
kelayan itu;

runtukan yang ber-
rahhak akan kon-
agangan komoditi
keizinan kelayan

peruntukan yang
dagangan komo-

akan memberi-
a-apa perubahan
arah perbadanan

n memberitahu
apa perubahan
ngsi firma itu,

h selepas per-

- (b) atas permohonan syarikat bursa atau pusat penjelasan, ternyata kepada Mahkamah Tinggi bahawa seseorang telah melanggar kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan syarikat bursa atau pusat penjelasan, mengikut mana yang berkenaan,

Mahkamah boleh tanpa menjejaskan apa-apa perintah yang ianya berhak buat selain daripada yang menurut seksyen ini, membuat satu atau lebih daripada perintah-perintah berikut :

- (i) dalam hal pelanggaran Akta ini, atau syarat-syarat atau sekatan-sekatan pendaftaran di bawah Akta ini, atau kaedah-kaedah syarikat bursa atau pusat penjelasan yang berulang-ulang atau berterusan, suatu perintah yang menahan seseorang daripada menjalankan perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi, bertindak sebagai wakil peniaga, penasihat dagangan komoditi atau wakil penasihat dagangan komoditi, atau mengemukakan dirinya selaku menjalankan perniagaan atau berlagak demikian;
- (ii) suatu perintah yang menahan seseorang daripada memperolehi, melupuskan atau dengan jalan lain berdagang kontrak-kontrak hadapan komoditi yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (iii) suatu perintah yang menahan seseorang daripada melupuskan, memindah, atau mengambil atau menghantar ke luar Malaysia, apa-apa harta;
- (iv) suatu perintah untuk melantik seorang penerima harta seorang peniaga atau harta yang dipegang oleh seorang peniaga untuk atau bagi pihak seorang lain, sama ada sebagai pemegang amanah atau sebaliknya;
- (v) suatu perintah mengisytiharkan suatu kontrak hadapan sebagai tidak sah atau boleh batal;
- (vi) suatu perintah meminta seseorang yang dirujuk dalam perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv) supaya menyerahkan kepada Mahkamah, pasportnya atau apa-apa dokumennya yang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah

DAGANGAN KOMODITI

89

atau suatu perintah melarang orang itu daripada meninggalkan Malaysia tanpa keizinan Mahkamah;

(vii) bagi maksud menjaminikan pematuhan dengan apa-apa perintah lain di bawah seksyen ini, suatu perintah mengarahkan seseorang melakukan atau menahan daripada melakukan sesuatu tindakan tertentu;

(viii) apa-apa perintah tambahan yang disifatkan perlu akibat daripada pembuatan suatu perintah di bawah mana-mana peruntukan yang terdahulu dalam subseksyen ini.

(2) Jika suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh, jika pada pendapat Mahkamah itu adalah perlu untuk berbuat demikian, sebelum mempertimbangkan permohonan itu, memberi perintah interim iaitu perintah dari jenis yang dipohonkan dan dinyatakan berkuatkuasa sementara menunggu pemutusan permohonan itu.

(3) Jika Suruhanjaya membuat suatu permohonan kepada Mahkamah untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), Mahkamah tidaklah boleh meminta Suruhanjaya, syarikat bursa atau pusat penjelasan supaya memberi apa-apa akujanji mengenai ganti rugi sebagai syarat pemberian suatu perintah interim di bawah subseksyen (2).

(4) Mahkamah tidak boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) sekiranya ia berpuas hati bahawa perintah itu akan memudaratkan seseorang secara tidak adil.

(5) Mahkamah boleh, sebelum membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mengarah supaya notis mengenai permohonan tersebut diberi kepada mana-mana orang yang difikirkannya patut.

bursa atau pusat Mahkamah Tinggi melanggar kaedah-eraturan syarikat n, mengikut mana

1 apa-apa perintah ada yang menurut daripada perintah-

a ini, atau syarat- n pendaftaran di h-kaedah syarikat n yang berulang- tu perintah yang menjalankan per- adapan komoditi, eniaga, penasihat wakil penasihat ngemukakan diri- niagaan atau ber-

n seseorang dari- kan atau dengan -kontrak hadapan alam perintah itu;

n seseorang dari- , atau mengambil Malaysia, apa-apa

tik seorang pene- atau harta yang a untuk atau bagi sebagai pemegang

an suatu kontrak tau boleh batal;

rang yang dirujuk) dan (iv) supaya amah, paspotnya ang lain sebagai- oleh Mahkamah

(6) Seseorang yang dilantik melalui perintah Mahkamah di bawah subseksyen (1) sebagai penerima harta seorang peniaga—

- (a) boleh menghendaki peniaga itu supaya menyerah kepada penerima itu, apa-apa harta yang dia telah dilantik sebagai penerima atau supaya memberi kepada penerima segala maklumat mengenai harta itu yang mungkin dikehendaki dengan munasabahnya;
- (b) boleh memperolehi dan mengambil milik apa-apa harta yang dia telah dilantik sebagai penerima;
- (c) boleh memperniagakan apa-apa harta yang telah diperolehi olehnya atau yang dia telah mengambil milik dengan apa-apa cara yang peniaga itu mungkin memperniagakan harta itu dengan cara yang sah; dan
- (d) mempunyai apa-apa kuasa lain yang dinyatakan oleh Mahkamah dalam perintah itu berkenaan dengan harta itu.

(7) Bagi maksud perenggan (iii) dan (iv) subseksyen (1), dan subseksyen (6), "harta", berhubungan dengan seorang peniaga, adalah termasuk wang atau lain-lain harta yang diamanahkan kepada atau yang diterima bagi pihak mana-mana orang lain oleh peniaga atau oleh seorang lain dalam menguruskan atau berkaitan dengan sesuatu urusan perdagangan kontrak-kontrak hadapan komoditi yang dijalankan oleh peniaga itu.

(8) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar atau gagal untuk mematuhi—

- (a) perintah di bawah seksyen ini yang terpakai kepada orang itu; atau
- (b) kehendak seorang penerima yang dilantik melalui perintah Mahkamah di bawah subseksyen (1),

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(9) Mahkamah boleh membatalkan, mengubah atau melepaskan suatu perintah yang dibuat olehnya di bawah seksyen ini atau menggantung kuatkuasa sesuatu perintah itu.

117. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini yang telah dilakukan oleh suatu perbadanan dibuktikan sebagai telah dilakukan dengan dipersetujui atau dengan dibiarkan oleh, atau sebagai berhubung-kait dengan apa-apa kecuaiian di pihak, seseorang pengarah atau pekerja perbadanan itu, atau seseorang yang berupa sebagai telah bertindak atas apa-apa jua sifat itu maka dia, dan juga perbadanan itu, adalah melakukan suatu kesalahan itu dan apabila disabitkan boleh didakwa dan dihukum dengan sewajarnya.

Kesalahan oleh perbadanan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), bagi maksud-maksud seksyen ini, seseorang adalah disifatkan sebagai pengarah sesuatu perbadanan jika dia memegang jawatan pengarah dengan apa jua nama dia dipanggil atau jika dia adalah seorang yang mengikut arahan-arahan atau petunjuk-petunjuknya pengarah-pengarah perbadanan itu atau mana-mana daripada mereka itu bertindak.

(3) Seseorang itu tidaklah boleh, semata-mata oleh sebab pengarah-pengarah sesuatu perbadanan itu bertindak mengikut nasihat yang diberi kepadanya atas sifat profesional, dikira sebagai seseorang yang mengikut arahan-arahan atau petunjuk-petunjuknya pengarah-pengarah itu bertindak.

118. Kecuali mengikut undang-undang, tidak seorang pun boleh bertindak dengan apa jua cara yang menjejaskan atau mungkin menjejaskan reputasi atau muhibah, atau kepercayaan awam terhadap bursa, atau mengelolakan dirinya dengan apa jua cara hingga menyebabkan kacauganggu atau keganguan perdagangan teratur di mana-mana pasaran komoditi.

Kelakuan yang menjejaskan reputasi atau muhibah atau kepercayaan awam terhadap bursa, dll.

Sekatan terhadap pekerja-pekerja syarikat bursa dan pusat penjelasan.

119. (1) Tiada seorangpun pekerja syarikat bursa atau pusat penjelasan boleh—

- (a) melibatkan diri secara langsung atau secara tak langsung di dalam dagangan hadapan komoditi; atau
- (b) secara langsung atau secara tidak langsung membuat pendedahan yang tidak dibenarkan akan apa-apa rahsia, kewangan atau lain-lain maklumat yang mungkin sampai ke tangannya disebabkan fungsinya sebagai seorang pekerja syarikat bursa atau pusat penjelasan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Halangan terhadap penyalahgunaan maklumat yang diperolehi dari kedudukan rasmi.

120. (1) Mana-mana anggota Lembaga Pengurusan atau lembaga pusat penjelasan atau mana-mana anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah kaedah-kaedah syarikat bursa atau pusat penjelasan yang, berhubungan dengan dagangan hadapan komoditi, mempunyai apa-apa maklumat rahsia yang jika diketahui umum mungkin semunasabahnya dijangkakan akan menjejaskan secara material harga komoditi dalam pasaran syarikat bursa dan yang—

- (a) diperolehinya menurut sifat rasminya atau sifat rasminya yang dahulu; dan
- (b) mungkin munasabah dijangkakan seseorang atas sifat rasminya atau sifat rasminya yang dahulu tidak akan mendedahkan kecuali untuk pelaksanaan yang patut akan fungsi-fungsi yang dilekapkan pada sifat rasmi itu,

tidaklah boleh mengguna dengan tidak patut akan maklumat untuk mendapatkan faedah secara langsung atau secara tak langsung bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

121. Jika sesuatu perbadanan mengendalikan atau menjalankan pengendalian pusat penjelasan, semua kewajipan dan obligasi yang dipertanggungjawabkan oleh Akta ini ke atas pusat penjelasan, dan semua penalti yang terpakai di bawah Akta ini bagi pusat penjelasan itu adalah dipertanggungjawabkan ke atas perbadanan dan terpakai bagi perbadanan itu dan bagi maksud ini sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai pusat penjelasan hendaklah disifatkan sebagai sebutan-sebutan mengenai perbadanan itu.

Tanggung-
ngan per-
badanan
mengendal-
ikan
pusat
penjelasan.

122. Bagi maksud-maksud Akta itu, sesuatu perbuatan, ketinggalan atau kegagalan di pihak seseorang pekerja, ejen atau lain-lain orang yang bertindak untuk atau bagi pihak mana-mana individu, perbadanan atau firma dalam lingkungan bidang jawatan atau pekerjaannya hendaklah disifatkan sebagai perbuatan, ketinggalan atau kegagalan di pihak individu, perbadanan atau firma itu serta juga pekerja, ejen atau lain-lain orang itu.

Tanggu-
ngan
prinsipal
atas per-
buatan
ejen.

123. Sesiapa yang bersengaja membantu, menyubahat, menasihati, memerintah, mempengaruhi atau menyebabkan berlakunya suatu pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta ini, atau mana-mana daripada peraturan atau perintah yang dibuat atau dikeluarkan menurut Akta ini, atau yang bertindak sepakat atau dengan merancang dengan mana-mana orang lain dalam pelanggaran itu, atau yang bersengaja menyebabkan sesuatu tindakan itu dibuat atau ditinggalkan yang, jika dilaksanakan secara langsung atau ditinggalkan olehnya atau oleh seorang lain, akan menjadi suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan atau perintah-perintah itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penalti yang sama seperti yang ditetapkan untuk pesalah utama.

Membantu,
menyu-
bahat, dsb.

124. Apa-apa pertikaian yang berbangkit daripada urusan perdagangan hadapan dalam suatu pasaran komoditi—

Penyele-
saian
pertikaian.

- (a) antara anggota-anggota syarikat bursa;
- (b) antara anggota-anggota pusat penjelasan;
- (c) antara anggota-anggota syarikat bursa dan pusat penjelasan; atau

(d) antara kelayan-kelayan dan anggota-anggota syarikat bursa,

tidak boleh dibawa kepada Mahkamah melainkan jika segala kemudahan untuk menyelesaikannya seperti diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah syarikat bursa dan peraturan-peraturan pusat penjelasan atau di bawah Akta ini telah habis digunakan.

Peruntukan-peruntukan am berhubungan dengan penalti-penalti.

125. Mana-mana orang yang bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini yang mana penalti tidak ada diperuntukkan baginya, boleh apabila disabitkan—

(a) dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya;

(b) jika kesalahan itu berterusan selepas orang itu telah disabitkan atas kesalahan itu, dikenakan denda tidak melebihi satu perlima denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan untuk sabitan yang awal itu untuk setiap hari yang kesalahan itu berterusan.

Pengkhidmat awam.

126. Anggota-anggota Suruhanjaya, Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya dan semua pegawai dan pengkhidmat Suruhanjaya hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat-pengkhidmat awam bagi maksud-maksud Kanun Keseksaan.

N.M.B.
Bab 45.

Perlindungan daripada prosiding undang-undang.

127. Seseorang anggota Suruhanjaya, Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai atau pengkhidmat Suruhanjaya tidaklah menanggung liabiliti persendirian atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh mana-mana orang disebabkan apa-apa tindakan atau ketinggalan atau kenyataan yang dibuat menurut pelaksanaan atau cadangan pelaksanaan fungsi-fungsi mereka di bawah Akta ini, melainkan jika tindakan, peninggalan atau kenyataan itu dibuat *mala fide* atau kerana kelalaian atau kecuaiian melampau.

Pendakwaan kesalahan-kesalahan.

128. Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan pendakwaan kesalahan-kesalahan jenayah dan tanpa menyentuh kuasa-kuasa Pendakwa Raya berhubungan dengan pendakwaan kesalahan-kesalahan seperti itu, Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai Suruhanjaya

yang diberikuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya boleh memulakan dan menjalankan prosiding berkenaan dengan apa-apa jua kesalahan terhadap Akta ini.

129. (1) Jika pendakwaan berkenaan dengan suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dimulakan, atau jika Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang diberikuasa untuk menjalankan pendakwaan di bawah seksyen 128 berpendapat bahawa pendakwaan berkenaan dengan suatu kesalahan terhadap Akta ini patut dimulakan terhadap seseorang (dalam seksyen ini disebut "defendan"), Pesuruhjaya atau orang lain yang diberikuasa itu boleh—

- (a) sekiranya defendan itu orang sebenar, meminta mana-mana orang yang masih atau pernah menjadi pekongsi, pekerja atau ejen defendan itu; atau
- (b) sekiranya defendan itu suatu pertubuhan perbadanan, meminta mana-mana orang yang masih atau pernah menjadi pegawai, pekerja atau ejen defendan itu,

supaya membantu dalam pendakwaan, dan orang yang diminta itu hendaklah memberi segala bantuan yang berkaitan dengan pendakwaan itu yang orang tersebut dapat berikan dengan munasabahnyanya.

(2) Pesuruhjaya atau mana-mana orang lain yang diberikuasa tidaklah boleh membuat permintaan seperti yang disebutkan dalam subseksyen (1) daripada seseorang yang, pada pendapat Pesuruhjaya atau mana-mana orang lain yang diberikuasa itu, menjadi atau mungkin menjadi defendan dalam prosiding itu atau yang menjadi atau pernah menjadi seorang pengamal undang-undang yang berkelayakan dengan sempurna yang bertindak untuk orang yang tersebut.

(3) Jika seseorang yang dimaksudkan dalam perenggan (a) atau (b) subseksyen (1) gagal memberi bantuan yang diminta dalam subseksyen itu, dia adalah bersalah atas suatu kesalahan dan, tanpa menjejaskan apa-apa penalti yang mungkin boleh dikenakan untuk kesalahan itu, mahkamah boleh, atas permohonan Pesuruhjaya atau mana-mana orang lain yang diberikuasa itu, memerintah orang itu supaya mematuhi permintaan itu dalam masa dan dengan cara tertentu, yang diperintahkan oleh mahkamah.

Orang-orang tertentu hendaklah membantu dalam pendakwaan.

anggota-anggota

ah melainkan jika kannya seperti di-ah syarikat bursa njelasan atau di n.

ah atas suatu ke-ana penalti tidak abila disabitkan— jahi sepuluh ribu a tempoh tidak edua-duanya;

selepas orang itu in itu, dikenakan lima denda mak-dikenakan untuk setiap hari yang

esuruhjaya, Tim-awai dan peng-sifatkan sebagai maksud-maksud

a, Pesuruhjaya, na pegawai atau nenanggung lia-n atau ganti rugi disebabkan apa-kenyataan yang tau cadangan bawah Akta ini, atau kenyataan kelalaian atau

runtukan mana-an dengan pen-ah dan tanpa ya berhubungan aan seperti itu, ai Suruhanjaya

(4) Dalam seksyen ini, "ejen", berhubungan dengan defendan, adalah termasuk banker kepada defendan dan orang yang diambil bertugas sebagai juruaudit oleh defendan, sama ada orang itu adalah seorang pekerja atau pegawai kepada defendan itu atau pun tidak.

Pembicaraan
kesalahan-kesalahan.

130. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya dan menjatuhkan hukuman sepenuhnya bagi kesalahan itu.

Kuasa
Pesuruhjaya mengkompaun.

131. (1) Pesuruhjaya boleh, tanpa memulakan prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya selain dari kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 33 (5), 53 (5) (b), 63 (1), 70, 71, 72, 74, 75, 76, 105 (2) dan (3), 109 dan 116 mengkompaun mana-mana kesalahan dengan meminta dan menerima dari orang itu, sejumlah wang tidak melebihi amaun yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan di dalam *Warta* tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan di dalamnya maka—

(a) jika orang itu membayar amaun berkeñaan kepada Pesuruhjaya dalam masa empat belas hari selepas permintaan, prosiding tidak akan diambil terhadapnya berhubungan dengan kesalahan itu; atau

(b) jika orang itu tidak membayar amaun yang diminta dalam masa empat belas hari, Pesuruhjaya boleh menyebabkan prosiding dimulakan berhubungan dengan kesalahan itu.

(2) Semua wang yang diterima oleh Pesuruhjaya dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan.

132. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan dengan lebih baik maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Akta ini, dan khususnya dan tanpa menyentuh keluasan makna yang tersebut di atas, bagi semua atau mana-mana daripada perkara-perkara yang berikut:

Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah.

- (a) permohonan untuk pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran sebagai orang-orang berdaftar dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya;
- (b) menetapkan fee yang hendak dibayar untuk pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran sebagai orang-orang berdaftar;
- (c) menetapkan standard-standard yang sesuai berkenaan dengan kelayakan, pengalaman dan latihan bagi pemohon-pemohon untuk pendaftaran sebagai orang-orang berdaftar;
- (d) mengadakan peruntukan mengenai peperiksaan bagi pemohon-pemohon sebagai orang-orang berdaftar;
- (e) mengadakan peruntukan mengenai pengecualian bagi pemohon-pemohon itu daripada mengambil peperiksaan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan;
- (f) menetapkan butir-butir yang hendak direkodkan dalam daftar-daftar yang disimpan di bawah Akta ini dan pemeriksaan daftar-daftar itu;
- (g) memberikuasa kepada Pesuruhjaya supaya membetulkan apa-apa kesilapan dalam sesuatu daftar yang disimpan di bawah Akta ini;
- (h) memberikuasa kepada Pesuruhjaya, apabila dibayar fee yang ditetapkan, supaya mengeluarkan perakuan-perakuan pendaftaran pendua sekiranya perakuan-perakuan pendaftaran yang asal atau perakuan-perakuan pendaftaran pendua itu hilang atau musnah;
- (i) menghendaki peniaga-peniaga dan penasihat-penasihat dagangan komoditi supaya memamerkan perakuan-perakuan pendaftaran mereka itu di tempat-tempat urusan mereka;

undangan dengan
pada defendan
juruaudit oleh
orang pekerja
pun tidak.

mana undang-
kamah Sesyen
ik membicara-
ni atau mana-
t di bawahnya
bagi kesalahan

mulakan prosi-
tatu kesalahan
peraturan yang
i-kesalahan di
70, 71, 72, 74,
mengkompaun
dan menerima
lebih amaun
emberitahuan
pa terma dan
di dalamnya

m berkenaan
empat belas
g tidak akan
gan dengan

amaun yang
ari, Pesuruh-
g dimulakan
u.

Pesuruhjaya
ubseksyen (1)
ang Perseku-

- (j) mengadakan peruntukan mengenai permohonan menggunakan deposit yang dibuat oleh atau berkenaan dengan peniaga-peniaga;
- (k) menetapkan butir-butir yang hendak direkodkan dalam akaun-akaun yang disimpan oleh peniaga-peniaga atau berkenaan dengan akaun-akaun itu di bawah Akta ini;
- (l) menetapkan butir-butir yang hendak direkodkan dalam akaun-akaun untung-rugi dan kunci kira-kira dan maklumat yang hendak dimasukkan ke dalam laporan-laporan juruaudit yang dikehendaki dibuat di bawah Akta ini mengenai akaun-akaun tahunan bagi peniaga-peniaga;
- (m) menetapkan amalan-amalan perdagangan yang perlu dipatuhi oleh orang-orang berdaftar;
- (n) mengadakan peruntukan mengenai saraan seseorang juruaudit yang dilantik di bawah Akta ini dan mengenai kos sesuatu pengauditan yang dijalankan di bawah Akta ini;
- (o) menetapkan apa-apa jua borang bagi maksud-maksud Akta ini;
- (p) menetapkan apa-apa jua perkara yang hendak ditetapkan atau yang boleh ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa sesuatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan yang tertentu adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti berupa denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah untuk semua atau mana-mana daripada maksud berikut:

- (a) untuk menetapkan tugas-tugas dan fungsi-fungsi pekerja-pekerjanya;

DAGANGAN KOMODITI

99

- (b) untuk menetapkan skim-skim dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk kelakuan dan disiplin pekerja-pekerjanya;
- (c) untuk menetapkan terma-terma dan syarat-syarat pinjaman yang boleh diberikan kepada pekerja-pekerjanya menurut subseksyen (3) seksyen 9;
- (d) untuk menetapkan prosedur-prosedur kewangan untuk pentadbiran Kumpulan Wang;
- (e) untuk mengadakan peruntukan mengenai penjagaan harta Suruhanjaya dan penjagaan serta penggunaan meterai biasa Suruhanjaya itu;
- (f) untuk mengadakan peruntukan mengenai prosedur dikenakan dengan rayuan-rayuan kepada Suruhanjaya di bawah Akta ini dan mengenai pendengaran serta pemutusannya; dan
- (g) untuk mengadakan peruntukan mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat untuk pentadbiran hal-ehwal Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 5.

BAHAGIAN XII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PEMANSUHAN,
KECUALIAN DAN PERALIHAN

133. Akta Dagangan Komoditi 1980 (kemudian dari ini disebut "Akta termansuh") adalah dengan ini dimansuhkan. Pemansuhan.
Akta 229.

134. Semua peraturan, arahan, perintah dan keputusan yang dibuat di bawah atau mengikut Akta termansuh hendaklah terus menjadi sah dan terikat dan hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini sehingga ianya dipinda atau dimansuhkan atau sehingga tarikh ianya habis tempoh. Kecualian.

Penerusan kuasa, hak, liabiliti dan tugas Majlis dan Pesuruhjaya.

135. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, segala kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti atau obligasi yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah terletak pada Majlis Dagangan Komoditi (kemudian dari ini disebut "Majlis") atau Pesuruhjaya, hendaklah mulai dari hari itu, terus terletak pada Suruhanjaya atau Pesuruhjaya masing-masingnya.

Penerusan prosiding jenayah dan sivil berhubung dengan Majlis atau Pesuruhjaya.

136. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, baik Akta termansuh mahupun apa jua perkara yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang yang akan didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta termansuh sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini oleh atau terhadap Majlis atau Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Majlis atau Pesuruhjaya boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Suruhanjaya atau Pesuruhjaya sebagaimana ia mungkin telah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Majlis atau Pesuruhjaya atau orang itu jika Akta ini telah tidak diluluskan.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas hari yang ditetapkan terhadap sesuatu keputusan yang diberi dalam mana-mana prosiding undang-undang sebelum hari itu boleh dibawa oleh atau terhadap Pesuruhjaya.

137. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau dilakukan di bawah Akta termansuh dan apa-apa prosiding atau remedi undang-undang berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti itu tidaklah boleh terjejas dan mana-mana prosiding atau remedi undang-undang itu boleh dimula, diteruskan atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta ini telah tidak dibuat.

Penerusan lain-lain hak, liabiliti, dll. di bawah Akta termansuh.

138. Bursa Komoditi Kuala Lumpur yang diluluskan dan ditubuhkan menurut seksyen 10 Akta termansuh hendaklah terus wujud seolah-olah diluluskan dan ditubuhkan menurut peruntukan Akta ini.

Penerusan Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

139. Setiap orang, termasuk Pesuruhjaya dan Timbalan Pesuruhjaya yang, sebelum sahaja hari yang ditetapkan, telah dipinjamkan oleh Kerajaan untuk berkhidmat dengan Majlis sebagai pegawai atau pengkhidmat dalam Sekretariat Majlis, boleh pada hari itu diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Suruhanjaya, mengikut mana yang berkenaan, menurut subseksyen (2) seksyen 9 Akta ini, atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada apa yang didapati sebelum sahaja hari yang ditetapkan itu, melainkan pegawai atau pengkhidmat itu memilih untuk kembali ke dalam perkhidmatan Kerajaan.

Penerusan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat.

140. (1) Semua tindakan dan perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang dalam persediaan untuk atau dalam jangkaan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya itu hendaklah disifatkan sebagai telah diberi kebenaran di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa tindakan-tindakan dan perkara-perkara yang dilakukan itu adalah tidak takkonsisten dengan tujuan am dan maksud Akta ini; dan semua hak dan obligasi yang diperolehi atau dilakukan sebagai hasil daripada pembuatan tindakan-tindakan atau perkara-perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya itu hendaklah disifatkan sebagai hak dan obligasi Suruhanjaya.

Pengesehan tindakan-tindakan yang dilakukan dalam jangkaan Akta.

(2) Bagi mengelakkan keraguan adalah ditetapkan bahawa subseksyen (1) tidak membenarkan perlantikan anggota-anggota, pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat Suruhanjaya kecuali setakat membenarkan perlantikan sementara orang-orang itu sehingga perlantikan yang betul dibuat di bawah Akta ini.

Perlin-
dungan
dari
anomali,

141. (1) Jika berbangkit apa-apa kerumitan berkaitan dengan peruntukan-peruntukan peralihan yang terkandung dalam Bahagian ini, Menteri boleh melalui perintah, tertakluk kepada subseksyen (2), membuat apa-apa ubahsuaian di dalamnya sebagaimana yang ternyata kepadanya perlu untuk mencegah anomali.

(2) Menteri tidaklah boleh menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) selepas tamatnya tempoh dua tahun daripada hari yang ditetapkan.

JADUAL

(Seksyen 3 (8))

1. Seseorang anggota Suruhanjaya yang—
 - (a) telah gagal menghadiri tiga kali mesyuarat Suruhanjaya berturut-turut tanpa sebab atau kebenaran bertulis Pengerusi;
 - (b) telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal;
 - (c) telah menjadi bankrap atau membuat sesuatu perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya; atau
 - (d) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya,adalah terhenti daripada memegang jawatan.
2. (a) Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat dalam penggal yang ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga bulan.
 - (b) Suruhanjaya hendaklah juga bermesyuarat—
 - (i) atas permintaan Pengerusi; atau
 - (ii) atas permintaan mana-mana anggota yang disebut di bawah perenggan (b), (c) atau (d) subseksyen (2) seksyen 3; atau
 - (iii) atas permintaan bertulis dari mana-mana lima orang anggota Suruhanjaya.
3. (a) Tarikh bagi memanggil mesyuarat Suruhanjaya menurut subperenggan (b) perenggan 2 hendaklah ditentukan oleh Pengerusi dan jika dia tidak hadir oleh anggota yang dilantik untuk bertindak sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (4) seksyen 3.

dalah ditetapkan
 rkan perlantikan
 au penghidmat-
 takat membenar-
 ang itu sehingga
 h Akta ini.

umitan berkaitan
 lihan yang ter-
 ri boleh melalui
 en (2), membuat
 bagaimana yang
 gegah anomali.

nkan kuasa yang
 amatnya tempoh
 kan.

syuarat Suruhanjaya
 kebenaran bertulis

agai tidak sempurna

ut sesuatu perkiraan

n berkenaan dengan
 khlak, atau sesuatu
 bawah mana-mana

dalam penggal yang
 setiap tiga bulan.

at—

ng disebut di bawah
 (2) seksyen 3; atau
 i-mana lima orang

ruhanjaya menurut
 ukan oleh Pengerusi
 ntik untuk bertindak
 ksyen 3.

(b) Melainkan jika diputuskan sebaliknya oleh Suruhanjaya, semua mesyuarat Suruhanjaya hendaklah diadakan di pejabat Suruhanjaya.

(c) Mesyuarat Suruhanjaya hendaklah dipanggil oleh Pesuruhjaya yang hendaklah, kecuali dalam hal-hal kecemasan, memberi sekurang-kurangnya empat belas hari notis mesyuarat dan juga urusan yang akan dilaksanakan di dalam mesyuarat.

4. (a) Dalam semua mesyuarat Suruhanjaya, lima orang anggota hendaklah membentuk kuorum.

(b) Dalam mana-mana mesyuarat Suruhanjaya, Pengerusi hendaklah mempunyai undi biasa dan dalam hal persamaan undi, hendaklah juga mempunyai undi pemutus.

(c) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Jadual ini, prosedur bagi mesyuarat Suruhanjaya hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya dan bagi maksud itu ia boleh membuat perintah tetap.

